



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah

MODUL

MATEMATIK TAMBAHAN

TINGKATAN 4
2021

(VERSI BAHASA MELAYU)

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH

PRAKATA

Memahami konsep serta banyak membuat latihan mengenai konsep yang dipelajari merupakan satu faktor penyumbang kejayaan murid dalam peperiksaan SPM.

Kebanyakan murid yang lemah menguasai konsep adalah kerana kurang membuat latihan. Nota ringkas yang padat (One Page Note) yang disertakan sekali di dalam modul ini diharap dapat membantu penguasaan konsep topik tersebut. Latihan yang padat bagi setiap topik juga diharap sedikit sebanyak membantu guru dan murid menguasai topik tersebut.



Justeru itu, modul ini diharapkan dapat membantu guru dan murid semasa pengajaran dan pembelajaran dan juga semasa membuat latihan ulangkaji menjelang peperiksaan SPM.

OBJEKTIF MODUL

1. Memudahkan murid mengingat konsep penting dalam bentuk grafik yang lebih padat.
2. Membantu murid menjawab soalan-soalan latihan ulangkaji menjelang peperiksaan SPM
3. Membantu guru mengatasi masalah pelajar yang tidak mempunyai sebarang sumber rujukan.

Ikhlas daripada:

Lee Chiong Tee
Penyelaras dan Ketua Penggubal
Modul Matematik Tambahan 2021

KANDUNGAN





TOPIK 1	FUNGSI	1
TOPIK 2	FUNGSI KUADRATIK	42
TOPIK 3	SISTEM PERSAMAAN	99
TOPIK 4	INDEKS, SURD DAN LOGARITMA	148
TOPIK 5	JANJANG	218
TOPIK 6	HUKUM LINEAR	272
TOPIK 7	GEOMETRI KOORDINAT	308
TOPIK 8	VEKTOR	373
TOPIK 9	PENYELESAIAN SEGITIGA	441
TOPIK 10	NOMBOR INDEKS	486
	JAWAPAN LEMBARAN KERJA	509


FUNGSI
- ONE PAGE NOTE (OPN)
- LEMBARAN KERJA

Encik Dennis Chua Ah Thin

“ONE PAGE NOTES”
FUNGSI

jenis hubungan :

- satu kepada satu 
- satu kpd banyak 
- byk kepada satu 
- byk kepada byk 



fungsi :

- hubungan satu kpd satu @ byk kpd satu
- setiap objek mesti dipetakan dengan satu imej sahaja

tentu sama ada suatu graf ialah fungsi :

- lukis satu garis mencancang, dan ia potong graf pada satu titik sahaja

fungsi $g \circ f$ wujud jika dan hanya jika julat bagi $f \subseteq$ domain bagi g
 fungsi $f \circ g$ wujud jika dan hanya jika julat bagi $g \subseteq$ domain bagi f

$$f^n(x) = x \Leftrightarrow f^{kn}(x) = x$$

x dipeta kpd diri sendiri di bawah h


$$h(x) = x$$

$$|x| = k \begin{cases} \rightarrow x = k \\ \rightarrow x = -k \end{cases}$$

$f(x) = \frac{ax+b}{cx+d}$


- $f(x)$ tertakrif $\rightarrow cx+d \neq 0$
- $f(x)$ tak tertakrif $\rightarrow cx+d = 0$

- graf bagi $y = f(x)$ dan $y = f^{-1}(x)$ adalah simetri pada garis $y = x$



- domain bagi $f^{-1}(x) =$ julat bagi $f(x)$ dan julat bagi $f^{-1}(x) =$ domain bagi $f(x)$

• bagi setiap fungsi *satu kepada satu*, $f: X \rightarrow Y$, wujud satu fungsi songsang $f^{-1}: Y \rightarrow X$

	~	$f(x) = x + k \rightarrow f^{-1}(x) = x - k$	~	$f(x) = x^2 \rightarrow f^{-1}(x) = \sqrt{x}$
	~	$f(x) = kx \rightarrow f^{-1}(x) = \frac{x}{k}$	~	$f(x) = \frac{ax+b}{cx+d} \rightarrow f^{-1}(x) = \frac{dx-b}{-cx+a}$
	~	$f(x) = ax + b \rightarrow f^{-1}(x) = \frac{x-b}{a}$		(untuk semakan jawapan)
	~	$f(x) = \frac{x}{a} + b \rightarrow f^{-1}(x) = a(x-b)$		

• jika $y = f(x)$ dan $y = f^{-1}(x)$ adalah songsangan antara satu sama lain $\rightarrow ff^{-1}(x) = f^{-1}f(x) = x$

TOPIK 1 : FUNGSI
[2 – 3 soalan → 4 – 9 markah]

Ulangkaji [HUBUNGAN ~ pasangan tertib, gambarajah anak-panah, Cartesian graf]

- 1 Berdasarkan maklumat yang diberi, hubungan P dan Q ditakrifkan oleh set pasangan bertertib $\{ (1, 2), (1, 4), (2, 6), (2, 8) \}$.

$$\begin{aligned} P &= \{ 1, 2, 3 \} \\ Q &= \{ 2, 4, 6, 8, 10 \} \end{aligned}$$

Nyatakan


- (a) imej bagi 1,
(b) objek bagi 2.

[2 markah] [2003, No.1]

Jawapan :

- (a) (b)

- 2 Rajah menunjukkan hubungan antara set P dan set Q .




Nyatakan

- (a) julat hubungan itu,
(b) jenis hubungan itu.


Jawapan :

- (a) (b)



[2 markah] [2004, No.1]

- 3 Rajah menunjukkan hubungan antara set X dan set Y dalam bentuk graf.



Nyatakan


- (a) objek-objek bagi q .
 (b) kodomain hubungan itu.

[2 markah] [2009, No.1]

Jawapan :

- (a) (b)

- 4 Rajah menunjukkan hubungan antara set X dan set Y dalam bentuk graf.



Nyatakan

- (a) hubungan itu dalam bentuk pasangan tertib,
 (b) jenis hubungan itu,
 (c) julat hubungan itu.

[3 markah] [2010, No.1]

Jawapan :

- (a) (b) (c)

- 5 Diberi bahawa hubungan antara set $X = \{ 0, 1, 4, 9, 16 \}$ dan set $Y = \{ 0, 1, 2, 3, 4, 5, 6 \}$ ialah "kuasa dua bagi"


- (a) Cari imej bagi 9.
 (b) Ungkapkan hubungan itu dalam bentuk pasangan tertib.

[3 markah] [2011, No.1]

Jawapan :

- (a)
 (b)

- 6 Rajah menunjukkan hubungan antara set M dan set N .



Nyatakan


- (a) objek bagi -1 ,
 (b) julat hubungan itu.

[2 markah] [2012, No.1]

Jawapan :

- (a) (b)

- 7 Rajah menunjukkan hubungan antara Set A dan Set B dalam bentuk rajah anak panah.



- (a) Wakilkan hubungan itu dalam bentuk pasangan tertib.
 (b) Nyatakan domain hubungan itu.

[2 markah] [2014, No.1]

Jawapan :


(a)

(b)

1.1 Fungsi**1.1.1 Menerangkan fungsi menggunakan perwakilan grafik dan tatatanda.****1.1.2 Menentukan domain dan julat bagi suatu fungsi.****1.1.3 Menentukan imej suatu fungsi apabila objek diberi dan sebaliknya.**

⇒ *tatatanda fungsi*

8 Dalam rajah, set B menunjukkan imej bagi unsur-unsur tertentu set A .



(a) Nyatakan jenis hubungan antara set A dengan set B .

(b) Dengan menggunakan tatatanda fungsi, tulis satu hubungan antara set A dengan set B .


[2 markah] [2006, No.1]

Jawapan :

(a)

(b)

- 9 Rajah menunjukkan fungsi linear h .



- (a) Nyatakan nilai m .
 (b) Menggunakan tatatanda fungsi, ungkapkan h dalam sebutan x .


[2 markah] [2007, No.1]

Jawapan :

- (a)
 (b)

⇒ syarat kewujudan (syarat suatu hubungan adalah fungsi)*

- 10 Rajah menunjukkan suatu graf.



fungsi :

→ hubungan satu kpd satu @ byk kpd satu
 → setiap objek mesti dipetakan dengan satu imej sahaja

tentu sama ada suatu graf ialah fungsi :


→ lukis satu **garis mencancang**, dan ia potong graf pada satu titik sahaja

Tentukan sama ada graf tersebut mewakili satu fungsi. Beri sebab untuk jawapan anda.

[2 markah] [Ramalan]

Jawapan :

- 11 Rajah menunjukkan hubungan antara set P dan set Q .




Tentukan sama ada hubungan itu mewakili satu fungsi. Beri sebab untuk jawapan anda

[2 markah] [Ramalan]

Jawapan :

⇒ *diberi objek dan imej* → *cari nilai pemalar*

- 12 Rajah menunjukkan fungsi $h : x \rightarrow \frac{m-x}{x}$, $x \neq 0$, dengan keadaan m ialah pemalar.



Carikan nilai m .

(Jwp: 4)
[2 markah] [2006, No.2]


Jawapan :

- 13 Diberi bahawa $f(x) = p - 3x$, dengan keadaan p ialah pemalar.
Cari nilai p dengan keadaan $f(p) = 4$.

(Jwp : -2)
[2 markah] [2013, No.3]

Jawapan :

- 14 Rajah menunjukkan suatu fungsi $f : x \rightarrow x - 2m$, dengan keadaan m ialah pemalar.



Cari nilai m .

(Jwp : -2)
[2 markah] [2014, No.2]

Jawapan :

⇒ *dipetakan kepada diri sendiri / ketakrifan**

$$\begin{array}{c} x \text{ dipeta kpd diri sendiri di bawah } h \\ \Downarrow \\ h(x) = x \end{array}$$

15 Diberi fungsi $f: x \rightarrow 3x - 2$, cari

(a) nilai x apabila $f(x)$ memeta kepada diri sendiri, (Jwp : 1)

(b) nilai h dengan keadaan $f(2 - h) = 4h$. (Jwp : $\frac{4}{7}$)

[4 markah] [2016, No.11]

Jawapan :

(a) (b)

16 Satu fungsi f ditakrifkan oleh $f(x) = \frac{x+k}{2x+3}$, $x \neq h$.

(a) Cari nilai h .

(b) Jika $x = 2$ dipetakan kepada diri sendiri di bawah f , cari nilai k .

$$\begin{array}{c} 5 \text{ dipeta kpd diri sendiri di bawah } h \\ \Downarrow \\ h(5) = 5 \end{array}$$

(Jwp : 12)

[3 markah] [Ramalan]

Jawapan :

(a) (b)

$$f(x) = \frac{ax+b}{cx+d} \begin{cases} \xrightarrow{f(x) \text{ tertakrif}} cx+d \neq 0 \\ \xrightarrow{f(x) \text{ undefine}} cx+d = 0 \end{cases}$$

⇒ *fungsi mutlak ~ objek, imej, domain, kodomain, julat, graf*

17 Diberi fungsi $f: x \rightarrow |x - 3|$, cari nilai-nilai x dengan keadaan $f(x) = 5$.


(Jwp: -2, 8)

[2 markah] [2007, No.2]

Jawapan :

$$|x| = k \begin{cases} \rightarrow x = k \\ \rightarrow x = -k \end{cases}$$

- 18 Rajah menunjukkan graf bagi fungsi $f(x) = |2x - 1|$, untuk domain $0 \leq x \leq 5$.



Nyatakan

- (a) nilai t .

(Jwp : $\frac{1}{2}$)

- (b) julat $f(x)$ berdasarkan domain yang diberi.


[3 markah] [2008, No.1]

Jawapan :

- (a)

- (b)

- 19 Rajah menunjukkan graf bagi fungsi $f: x \rightarrow |1 - 2x|$ untuk domain $-2 \leq x \leq 4$.



Nyatakan

- (a) objek bagi 7,

- (b) imej bagi 3,

(Jwp : 5)

- (c) domain bagi $0 \leq f(x) \leq 5$.

[3 markah] [2017, No.9]

Jawapan :

- (a)

- (b)

- (c)


20 (a) Lakarkan graf $y = |2x + 6| - 1$ pada paksi-paksi yang diberikan untuk domain $-5 \leq x \leq 1$. [2 markah]

(b) Seterusnya, nyatakan julat yang sepadan. [1 markah]

[Ramalan]

Jawapan :

(a)



x			0	
y				0

(b)

1.2 Fungsi gubahan

1.2.1 Memerihalkan hasil gubahan dua fungsi.

1.2.2 Menentukan fungsi gubahan.

1.2.3 Menentukan imej suatu fungsi gubahan apabila objek diberi dan sebaliknya.

1.2.4 Menentukan suatu fungsi berkaitan apabila fungsi gubahan dan salah satu fungsinya diberi.

1.2.5 Menyelesaikan masalah yang melibatkan fungsi gubahan.

\Rightarrow diberi $f(x), g(x) \rightarrow$ cari $fg(x), gf(x), f^2(x), g^2(x)$

21 Maklumat berikut adalah berkaitan dengan fungsi h dan fungsi gubahan h^2 .

$h : x \rightarrow ax + b$, dengan keadaan a dan b ialah pemalar, dan $a > 0$
 $h^2 : x \rightarrow 36x + 35$

Cari nilai a dan nilai b .

(Jwp: $a = 6, b = 5$)

[3 markah] [2007, No.3]

Jawapan :

22 Diberi fungsi $f(x) = x - 1$ dan $g(x) = kx + 2$, cari

(a) $f(5)$,

(Jwp : 4)

(b) nilai k dengan keadaan $gf(5) = 14$.

(Jwp : 3)

[3 markah] [2008, No.3]

Jawapan :

(a)

(b)

23 Diberi fungsi $g : x \rightarrow 2x - 3$ dan $h : x \rightarrow 4x$, cari

(a) $hg(x)$,

(Jwp : $8x - 12$)

(b) nilai x jika $hg(x) = \frac{1}{2}g(x)$.

(Jwp : $\frac{3}{2}$)

[4 markah] [2009, No.2]

Jawapan :

(a)

(b)

24 Diberi fungsi $g : x \rightarrow x - 8$ dan $h : x \rightarrow \frac{x}{3x - 2}$.

(a) Nyatakan syarat nilai x supaya fungsi h tertakrif. **

(b) Cari nilai $hg(10)$.

(Jwp : $\frac{1}{2}$)

[3 markah] [2010, No.3]

Jawapan :

(a)

(b)

- 25 Diberi bahawa fungsi $g(x) = 4x - 7$ dan $h(x) = 2x$. Cari nilai $gh(2)$.

(Jwp : 9)
[2 markah] [2011, No.2]

Jawapan :

- 26 Diberi fungsi $f: x \rightarrow 5x + 6$ dan $g: x \rightarrow 2x - 1$, cari $gf(x)$.

(Jwp : $10x + 11$)
[2 markah] [2013, No.2]

Jawapan :

- 27 Diberi fungsi $f(x) = 3x$ dan $g(x) = h - kx$, dengan keadaan h dan k ialah pemalar. Ungkapkan h dalam sebutan k dengan keadaan $gf(1) = 4$.

(Jwp : $h = 4 + 3k$)
[3 markah] [2015, No.2]

Jawapan :

- 28 Diberi fungsi $m : x \rightarrow px + 1$, $h : x \rightarrow 3x - 5$ dan $mh(x) = 3px + q$. Ungkapkan p dalam sebutan q .
(Jwp : $p = \frac{1-q}{5}$)

[3 markah] [2016, No.12]

Jawapan :

- 29 Fungsi m dan n ditakrifkan oleh $m : x \rightarrow 3x + 1$ dan $n : x \rightarrow \frac{2x}{4x-1}$.

(a) Nyatakan nilai x supaya fungsi n tidak ditakrifkan.

(b) Cari nilai k jika $mn(k) = \frac{13}{5}$.

(Jwp : 4)


[3 markah] [Ramalan]

Jawapan :

(a)

(b)

MINDA :



\Rightarrow diberi $f(x), fg(x) \rightarrow$ cari $g(x)$

30 Diberi fungsi $h(x) = \frac{6}{x}, x \neq 0$ dan fungsi gubahan $hg(x) = 3x$, carikan

(a) $g(x)$,

(Jwp: $\frac{2}{x}$)

(b) nilai x apabila $gh(x) = 5$.

(Jwp: 15)

[4 markah] [2004, No.3]

Jawapan :

(a)

(b)

31 Diberi $f(x) = 3x + 4$ dan $fg(x) = 6x + 7$, cari

(a) $fg(4)$,

(Jwp: 31)

(b) $g(x)$.

(Jwp: $2x + 1$)

[4 markah] [2012, No.2]

Jawapan :

(a)


(b)

- 32 Diberi $f(x) = x^2 + 1$, cari dalam sebutan x , fungsi $g(x)$ dengan keadaan $fg(x) = x^2 + 4x + 5$.
(Jwp : $x + 2$)
[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

\Rightarrow diberi $g(x)$, $fg(x) \rightarrow$ cari $f(x)$

- 33 Rajah menunjukkan hubungan antara set A, set B dan set C.



Diberi bahawa set A dipetakan kepada set B oleh fungsi $\frac{x+1}{2}$ dan dipetakan kepada set C oleh $fg: x \rightarrow x^2 + 2x + 4$.


- (a) Tulis fungsi yang memetakan set A kepada set B dengan menggunakan tatatanda fungsi.
(b) Cari fungsi yang memetakan set B kepada set C. [Jwp : $f(x) = 4x^2 + 3$ @ $f: x \rightarrow 4x^2 + 3$]
[4 markah] [**2018, No.22**]

Jawapan :

(a)

(b)

- 34 Rajah menunjukkan hubungan bagi tiga set.



Diberi bahawa $f: x \rightarrow 2x + 3$ dan $g^{-1}f: x \rightarrow \frac{3}{x} + 1, x \neq 0$.

- (a) Jika seorang murid menulis $a = 10$, tentukan sama ada nilai itu betul atau salah. Beri sebab anda. (Jwp : 9)
- (b) Cari $g^{-1}(x)$. (Jwp : $\frac{x+3}{x-3}, x \neq 3$)

[4 markah] [2019, No.8]

Jawapan :

(a)

(b)

\Rightarrow diberi $f(x) \rightarrow$ cari $f^2(x), f^3(x), f^4(x), \dots, f^n(x) \sim 1$

- 35 Diberi bahawa $f: x \rightarrow \frac{x}{x+1}, x \neq -1$.

- (a) Cari fungsi berulang $f^2(x), f^3(x)$ dan $f^4(x)$. [Jwp : $f^2(x) = \frac{x}{2x+1}, x \neq -\frac{1}{2} \dots$]
- (b) Seterusnya, tentukan rumus umum $f^n(x)$, di mana n ialah suatu integer positif.

[4 markah] [Ramalan]

Answer :

(a)

(b)

$$\begin{aligned} f^3(x) &= f[f^2(x)] = f^2[f(x)] \\ f^4(x) &= f[f^3(x)] = f^2[f^2(x)] \end{aligned}$$

36 Diberi bahawa $f: x \rightarrow ax + b$ dan $f^3(x) = 8x + 7$.

(a) Cari nilai a dan nilai b .

(Jwp : $a = 2, b = 1$)

(b) Cari ungkapan bagi $f^4(x)$. Seterusnya, tentukan rumus umum $f^n(x)$, di mana n ialah suatu integer positif.

(Jwp : $16x + 15$)

[4 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

(a)

(b)

\Rightarrow diberi $f(x) \rightarrow$ cari $f^2(x), f^3(x), f^4(x), \dots, f^n(x) \sim 2$

37 Diberi bahawa $f: x \rightarrow \frac{3}{x}, x \neq 0$.

(a) Cari fungsi berulang $f^2(x), f^3(x)$ dan $f^4(x)$.

[2 markah]

(b) Seterusnya, cari nilai bagi

(i) $f^{28}(5)$,

[1 markah]

(ii) $f^{57}(5)$.

[1 markah]

[**Ramalan**]

Answer :

(a)

(b) (i)

(ii)

$$f^n(x) = x \Leftrightarrow f^{kn}(x) = x$$

38 Diberi fungsi $f(x) = p$, $f^2(x) = q$, $f^3(x) = r$ dan $f^4(x) = s$. Jika $f^4(x) = x$,

(a) cari dalam sebutan p , q , r , atau s bagi :

(i) $f^{8n}(x)$, dengan $n = 1, 2, 3, \dots$, [1 markah]

(ii) $f^{70}(x)$. [1 markah]

(b) Didapati $f^k(x) = p$, dengan $26 \leq k < 33$ dan k ialah integer. Nyatakan nilai k . [1 markah]

[*Ramalan*]

Jawapan :

(a) (i)

(ii)

(b)

1.3 Fungsi songsang


1.3.1 Memerihalkan songsangan suatu fungsi.

1.3.2 Membuat dan mengesahkan konjektur berkaitan sifat-sifat fungsi songsang.

1.3.3 Menentukan fungsi songsang.

\Rightarrow Memerihalkan fungsi songsang

39 Dalam rajah, fungsi h memetakan x kepada y dan fungsi g memetakan y kepada z .



Tentukan

(a) $h^{-1}(5)$,

(b) $gh(2)$.


[2 markah] [2005, No.1]

Jawapan :

(a)

(b)

- 40 Rajah menunjukkan fungsi gubahan gf yang memetakan x kepada z .



Nyatakan

- (a) fungsi yang memetakan x kepada y .
- (b) $g^{-1}(z)$.

[2 markah] [2015, No.1]

Jawapan :

- (a)
- (b)

MINDA :

- bagi setiap fungsi *satu kepada satu*, $f: x \rightarrow y$, wujud satu fungsi songsang $f^{-1}: y \rightarrow x$

	}	$\sim f(x) = x + k \rightarrow f^{-1}(x) = x - k$	$\sim f(x) = x^2 \rightarrow f^{-1}(x) = \sqrt{x}$
		$\sim f(x) = kx \rightarrow f^{-1}(x) = \frac{x}{k}$	
		$\sim f(x) = ax + b \rightarrow f^{-1}(x) = \frac{x-b}{a}$	$\sim f(x) = \frac{ax+b}{cx+d} \rightarrow f^{-1}(x) = \frac{dx-b}{-cx+a}$
		$\sim f(x) = \frac{x}{a} + b \rightarrow f^{-1}(x) = a(x-b)$	(untuk semakan jawapan)

- jika $y = f(x)$ dan $y = f^{-1}(x)$ adalah songsangan antara satu dan lain $\rightarrow ff^{-1}(x) = f^{-1}f(x) = x$

\Rightarrow syarat kewujudan fungsi songsang

- 41 Diberi bahawa hubungan antara set $X = \{-4, -3, -1, 1, 3, 4\}$ dan set $Y = \{1, 3, 4\}$ ditakrifkan oleh set pasangan bertertib berikut :

$$\{ (-2k, 4), (-3, 3), (-1, 1), (1, 1), (3, 3), (4, 4) \}$$

- (a) Nyatakan nilai k .
 - (b) Dengan menggunakan tatatanda fungsi, tulis satu hubungan antara set X dan set Y .
 - (c) Tentukan sama ada songsangan bagi (b) juga ialah suatu fungsi. Berikan alasan anda.
- [4 markah] [Ramalan]

Jawapan :

- (a)
- (b)
- (c)

- 42 (a) Nyatakan syarat bagi suatu fungsi supaya mempunyai fungsi songsangan.
 (b) Fungsi g ditakrifkan oleh $g(x) = x^2 + 4$.
 (i) Nyatakan jenis hubungan bagi fungsi itu.
 (ii) Tentukan sama ada $g(x)$ mempunyai fungsi songsangan.


[3 markah] [*Ramalan*]*Jawapan :*

(a)

(b) (i)

(ii)

- 43 Rajah menunjukkan lima graf, P , Q , R , S dan T .



- (a) Nyatakan graf-graf yang bukan merupakan suatu fungsi. Berikan alasan bagi jawapan anda.
 (b) Nyatakan graf-graf yang mempunyai fungsi songsangan. Berikan alasan bagi jawapan anda.

[4 markah] [*Ramalan*]*Jawapan :*

(a)

(b)

⇒ *sifat-sifat fungsi songsang*

44 Rajah di ruang jawapan menunjukkan graf bagi fungsi $y = f(x)$.


(a) Pada rajah di ruang jawapan, lukiskan graf bagi fungsi songsangannya.

(b) Daripada graf, nyatakan nilai apabila $f(x) = f^{-1}(x)$.

[2 markah] [*Ramalan*]

Jawapan :

(a)



(b)

45 Rajah di ruang jawapan menunjukkan graf bagi fungsi $y = h(x)$.

(a) Cari $h^{-1}(0)$.

(b) Pada rajah di ruang jawapan, lukis graf $y = h^{-1}(x)$.


(c) Tentukan domain bagi graf $y = h^{-1}(x)$.

[3 markah] [*Ramalan*]

Jawapan :

(a)


(b)



(c)

MINDA :

- graf bagi $y = f(x)$ dan $y = f^{-1}(x)$ adalah simetri pada garis $y = x$



- domain bagi $f^{-1}(x) =$ julat bagi $f(x)$
julat bagi $f^{-1}(x) =$ domain bagi $f(x)$

\Rightarrow cari fungsi songsang 1a

- 46** Diberi fungsi $g : x \rightarrow 3x - 1$, cari

- (a) $g(2)$,
(b) nilai p apabila $g^{-1}(p) = 11$.

(Jwp : 32)
[3 markah] [2009, No.3]

Jawapan :

- (a) _____ (b) _____

- 47** Diberi $f : x \rightarrow x + 5$, cari

- (a) $f(3)$,
(b) nilai k dengan keadaan $2f^{-1}(k) = f(3)$.

(Jwp : 9)
[3 markah] [2012, No.3]

Jawapan :

- (a) _____ (b) _____

⇒ cari fungsi songsang 1b

48 Diberi $g : x \rightarrow 5x + 1$ dan $h : x \rightarrow x^2 - x + 3$, carikan

(a) $g^{-1}(3)$.

(Jwp : $\frac{2}{5}$)

(b) $hg(x)$.

(Jwp : $25x^2 + 5x + 3$)
[4 markah] [2003, No.2]

Jawapan :

(a)

(b)

49 Diberi fungsi $g : x \rightarrow 5x + 2$ dan $h : x \rightarrow x^2 - 4x + 3$, cari

(a) $g^{-1}(6)$,

(Jwp : $\frac{4}{5}$)

(b) $hg(x)$,

(Jwp : $25x^2 - 1$)
[4 markah] [2008, No.2]

Jawapan :

(a)

(b)

⇒ cari fungsi songsang 1c

50 Diberi fungsi $h^{-1} : x \rightarrow 4x + m$ dan $h : x \rightarrow 2kx + \frac{5}{8}$, dengan keadaan m dan k adalah pemalar, carikan nilai m dan nilai k .

(Jwp : $k = \frac{1}{8}$, $m = -\frac{5}{2}$)
[3 markah] [2004, No.2]

Jawapan :

- 51 Maklumat berikut adalah berkaitan dengan fungsi h dan fungsi g .

$$\begin{array}{l} h : x \rightarrow 2x - 3 \\ g : x \rightarrow 4x - 1 \end{array}$$

Carikan $g h^{-1}(x)$.

Jawapan :

(Jwp : $2x + 5$)
[3 markah] [2005, No.3]

- 52 Diberi fungsi $g : x \rightarrow 2x + 1$ dan $h : x \rightarrow 3x + 6$, cari

- (a) $g^{-1}(x)$,
(b) $hg^{-1}(9)$,

Jawapan :

- (a) (b)

(Jwp : 18)
[3 markah] [2010, No.2]

- 53 Diberi fungsi $g : x \rightarrow 2x - 8$, cari

- (a) $g^{-1}(x)$,
(b) nilai p dengan keadaan $g^2\left(\frac{3p}{2}\right) = 30$.
9)

Jawapan :

- (a) (b)

[4 markah] [2017, No.10]

\Rightarrow cari fungsi songsang 2

54 Fungsi w ditakrifkan oleh $w(x) = \frac{5}{2-x}$, $x \neq 2$.

(a) $w^{-1}(x)$,
)

(Jwp : $\frac{2x-5}{x}$)

(b) $w^{-1}(4)$.

[3 markah] [2005, No.2]

Jawapan :

(a)

(b)

55 Fungsi songsang h^{-1} ditakrifkan $h^{-1} : x \rightarrow \frac{2}{3-x}$, $x \neq 3$. Cari

(a) $h(x)$.
)

(Jwp : $\frac{3x-2}{x}$)

(a) nilai x dengan keadaan $h(x) = -5$.

(Jwp : $\frac{1}{4}$)

[4 markah] [2011, No.3]

Jawapan :

(a)

(b)

\Rightarrow guna concept songsang / diberi $f(x)$, $fg(x) \rightarrow$ cari $g(x)$

56 Diberi fungsi $f : x \rightarrow 2x - 1$ dan $f^{-1}g : x \rightarrow \frac{x-2}{2x-6}$, $x \neq 3$. Cari nilai $gf(3)$.

(Jwp : $\frac{1}{2}$)

[4 markah] [Ramalan]

Jawapan :

\Rightarrow guna $ff^{-1}(x) = x$ @ $f^{-1}f(x) = x$ / diberi $g(x), fg(x) \rightarrow$ cari $f(x)$

57 Diberi fungsi $g : x \rightarrow 3x + 1$ dan $fg : x \rightarrow 9x^2 + 6x - 4$, cari

(a) $g^{-1}(x)$,

(b) $f(x)$.

(Jwp : $x^2 - 5$)
[3 markah] [2016, No.13]

Jawapan :

(a)

(b)

$$\begin{array}{c} f[f^{-1}(x)] = x \\ @ \\ f^{-1}[f(x)] = x \end{array}$$

58 Diberi $f(x) = \frac{3}{x-p}$, $x \neq p$ dan suatu fungsi g dengan keadaan $g^{-1}g(p-3) = f(p-4)$. Cari

nilai p .

(Jwp : $\frac{9}{4}$)

[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

59 Diberi $f(x) = \frac{1}{x-2}$, $x \neq 2$ dan $g(x) = \frac{1}{x} + 2$.

(a) Cari $fg(x)$.

(Jwp : x)

(b) Nyatakan hubungan antara fungsi $f(x)$ dan $g(x)$.

[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

(a)

(b)

\Rightarrow *lain-lain*

60 Diberi fungsi $f: x \rightarrow \sqrt{x}$ dan $g: x \rightarrow x + 4$. Ungkapkan dalam sebutan f atau g atau kedua-duanya bagi

(a) $x \rightarrow \sqrt{x+4}$,

(b) $x \rightarrow x^2 + 4$,

(c) $x \rightarrow x + 8$

[3 marks] [**Ramalan**]

Answer :

(a)

(b)

(c)

KERTAS 2

⇒ **Bahagian A** → 6 – 7 markah

61 Diberi $f(x) \rightarrow 3x - 2$ dan $g(x) = \frac{x}{5} + 1$, cari

(a) $f^{-1}(x)$,

[1 markah]

(b) $f^{-1}g(x)$,


(Jwp: $\frac{x+15}{15}$) [2 markah]

(c) $h(x)$ dengan keadaan $hg(x) = 2x + 6$.

(Jwp : $10x - 4$) [3 markah]
[2006, No.2]

Jawapan :

- 62 Dalam rajah, fungsi f memetakan set A kepada set B dan fungsi g memetakan set B kepada set C .



Cari

- (a) dalam sebutan x , fungsi
- yang memetakan set B kepada set A .
 - $g(x)$.
- (b) nilai x dengan keadaan $fg(x) = 8x + 1$.

(Jwp : $4x - 3$) [5 markah]

(Jwp : 2) [2 markah]
[2014, No.3]

Jawapan :

63 Diberi bahawa $f: x \rightarrow 2x - 3$ dan $g: x \rightarrow 1 - 3x$. Cari

(a) (i) $g(5)$,

(ii) nilai m jika $f(m+2) = \frac{1}{7}g(5)$, (Jwp : $-\frac{3}{2}$)

(iii) $gf(x)$. (Jwp : $-6x + 10$)

[5 markah]


(b) Seterusnya, lakarkan graf $y = |gf(x)|$ untuk $-1 \leq x \leq 3$. Nyatakan julat bagi y . (Jwp : $0 \leq y \leq 16$) [3 markah]

[2018, No.2]

Jawapan :

RAMALAN

- 64 Rajah menunjukkan pemetaan x kepada y oleh $f: x \rightarrow px + q$ dan pemetaan z kepada y oleh $g: z \rightarrow \frac{8}{3z+q}$, $z \neq -\frac{q}{3}$.



Cari

- (a) nilai p dan nilai q ,
 (b) fungsi yang memetakan y kepada z ,
 (c) fungsi yang memetakan x kepada z .
 [markah]


(Jwp : $p = \frac{1}{2}$, $q = -1$) [3 markah]

(Jwp : $\frac{y+8}{3y}$) [2 markah]

(Jwp : $\frac{x+14}{3x-6}$) [2

Jawapan :

- 65 Dalam rajah, fungsi $f(x) = ax + b$ memetakan x kepada y dan fungsi $g(y) = \frac{a}{1-y}$, $y \neq 1$ memetakan y kepada z .



Cari

- (a) nilai a dan nilai b ,
 (b) fungsi yang memetakan y kepada x ,
 (c) fungsi yang memetakan z kepada x .
 [3 markah]


(Jwp : $a = 2, b = 1$) [3 markah]

(Jwp : $\frac{y-1}{2}$) [2 markah]

(Jwp : $-\frac{1}{z}$) [2 markah]

Jawapan :

- 66 Dalam rajah , fungsi h memetakan x kepada y dan fungsi g memetakan y kepada z .



Diberi bahawa $h^{-1}(x) = x + 5$ dan $gh(x) = 3x - 11$. Cari

- (a) dalam sebutan x , fungsi

(i) $h(x)$,

[1 markah]

(ii) $g(x)$,

(Jwp : $3x + 4$) [2 markah]

- (b) nilai a dan nilai b .

(Jwp : $a = 3, b = -2$) [3 markah]

Jawapan :

67 Diberi $f: x \rightarrow 3 + 2x$ dan $g: x \rightarrow \frac{8}{x+1}$, $x \neq -1$. Ungkapkan yang berikut dalam bentuk yang serupa:

(a) f^{-1} ,

[1 markah]

(b) g^{-1} ,

(Jwp : $\frac{8-x}{x}$) [2 markah]

(c) $g^{-1}f^{-1}$,

(Jwp : $\frac{19-x}{x-3}$) [2 markah]

(d) $(fg)^{-1}$,

[1 markah]

Jawapan :

68 Diberi $f: x \rightarrow \frac{1+x}{1-x}$, $x \neq 1$. Cari dalam bentuk yang serupa :

(a) f^2 ,

(Jwp : $-\frac{1}{x}$) [2 markah]

(b) f^3 ,

(Jwp : $\frac{x-1}{x+1}$) [2 markah]

(c) f^4 ,

(Jwp : x) [2 markah]

(d) f^{37} ,


[1 markah]

(e) f^{95} .

[1 markah]

Jawapan :

- 69 Chelsea membuat satu eksperimen fizik tentang imej yang dihasilkan oleh kanta cembung seperti dalam rajah berikut.




Didapati jarak imej lilin yang dihasilkan ialah $f(x) = \frac{10x}{x-10}$, $x \neq k$. Cari

- (a) nilai k , [1 markah]
 (b) jarak imej lilin jika jarak lilin itu dari kanta ialah 14 cm, (Jwp : 35) [2 markah]
 (c) jarak lilin ke kanta jika kanta terletak di tengah-tengah di antara lilin dan imej. (Jwp : 20) [3 markah]

Jawapan :

- 70 Jackley membuat eksperimen kimia untuk persediaan peperiksaan Amali Sains. Rajah menunjukkan skala bagi suhu dalam Celsius ($^{\circ}C$) dan Fahrenheit ($^{\circ}F$) pada suatu termometer. Hubungan antara suhu dalam $x^{\circ}C$ dan $y^{\circ}F$ diberi oleh $y = 1.8x + k$, dengan keadaan k ialah pemalar.



- (a) Cari nilai k . (Jwp : 32) [2 markah]
- (b) Jika suhu hari ini ialah $32^{\circ}C$, apakah suhu dalam $^{\circ}F$? (Jwp : 89.6) [2 markah]
- (c) Bentukkan satu fungsi yang membolehkan kita menukar suhu dari unit darjah Fahrenheit ($^{\circ}F$) kepada darjah Celsius ($^{\circ}C$). (Jwp : $x = \frac{y-32}{1.8}$) [2 markah]

Jawapan :

LATIHAN LANJUTAN

71 Fungsi songsang $f^{-1}(x)$ ditakrifkan oleh $f^{-1} : x \rightarrow \frac{2}{5}(x^2 - 10)$, $x \geq 0$. Cari

(a) $f(x)$, [1 markah]

(b) domain bagi $f(x)$. (Jwp : $x \geq -4$) [1 markah]

Jawapan :

(a)

(b)

72 Fungsi f ditakrifkan oleh $f : x \rightarrow 2 - \frac{a}{x}$, dengan keadaan $x \neq 0$, dan a ialah pemalar. Diberi

$\frac{1}{2}f^2(2) + f^{-1}(-1) = -1$, cari nilai-nilai yang mungkin bagi a . (Jwp : $-8, 3$)

[4 markah]

Jawapan :

- 73 Beg tangan yang telah dihasilkan oleh pengilang akan dihantar kepada peruncit sebelum dijual kepada pelanggan. Semasa promosi jualan, pengilang menawarkan rebat RM75 daripada RM x kepada peruncit. Manakala peruncit menawarkan diskaun 5% daripada RM x kepada pelanggan.
- (a) Cari harga yang perlu pelanggan bayar untuk sebuah beg tangan dalam sebutan x [Jwp : $g(x) = 0.95(x + 75)$] [3 markah]
- (b) Jika pelanggan membeli beg tangan baharu dengan harga RM499.90.
- (i) cari harga dari pengilang, (Jwp : 526.21) [2 markah]
- (ii) hitung keuntungan yang diperolehi oleh peruncit. (Jwp : 48.69) [2 markah]

Jawapan :

- 74 Diberi bahawa $x = \frac{7-h(x)}{3-h(x)}$, dengan keadaan $h(x) \neq 0$, cari $h^{-1}(2)$. (Jwp : 9)
- [3 markah]

Answer :

75 Fungsi f dan g masing-masing ditakrifkan oleh $f: x \rightarrow x - 3$ dan $g: x \rightarrow x^2$. Cari

(a) $gf(x)$, .

(b) $h(x)$ supaya $hgf(x) = x^2 - 6x + 3$.

[Jwp : $h(x) = x - 6$]
[3 markah]

Jawapan :

(a)

(b)

FUNGSI KUADRATIK - ONE PAGE NOTE (OPN) - LEMBARAN KERJA

**Encik AK Sapri bin Yaakob
Puan Tan Woon Shin**

ONE PAGE NOTES

“ FUNGSI KUADRATIK ”

$y = ax^2 \rightarrow b=0, c=0$
 $(a=3)$ $a > 0$
 $(a=-1)$ $a < 0$
 $c > 0$ $a > 0$
 $c < 0$ $a < 0$

$y = ax^2 + bx \rightarrow c = 0$
 $x = -\frac{b}{2a}$ $a < 0$ dan $b < 0$
 $x = -\frac{b}{2a}$ $a < 0$ dan $b > 0$
 Jika a dan b sama tanda \rightarrow simetri di sebelah kiri paksi-y
 Jika a dan b berlainan tanda \rightarrow simetri di sebelah kanan paksi-y

$y = ax^2 + bx + c$
 $a > 0$ dan $c > 0$ $a > 0$ dan $c < 0$
 $a < 0$ dan $c < 0$

Jika a dan c sama tanda \rightarrow punca sama tanda
 Jika a dan c berlainan tanda \rightarrow punca berlainan tanda

Persamaan Kuadratik
 $ax^2 + bx + c = 0$
 $f(x) = 0$

Fungsi Kuadratik
 $f(x) = ax^2 + bx + c$
 $y = f(x) \rightarrow a > 0$ $a < 0$
 $f(x) < 0 \rightarrow \alpha < x < \beta$
 $f(x) > 0 \rightarrow x < \alpha, x > \beta$
Ketaksamaan Kuadratik
Pembelakangan
 $b^2 - 4ac > 0$ (pembelakangan positif)

punca $f(x) = (x-\lambda)^2$
punca $f(x) = -(x-\lambda)^2$
 $f(x)$ menyentuh paksi-x pada 1 titik sahaja
 paksi-x adalah tangen kepada $f(x)$
 [2 punca nyata yang sama]
 $b^2 - 4ac = 0$

cari punca persamaan kuadratik (nilai x yang memuaskan persamaan)

menggunakan kalkulator
 (CASIO K-570MS, CANON F-570SG)
 mode mode mode
 1 2
 $a = b = c =$
 $\rightarrow x_1 = ? \quad x_2 = ?$
NOTA : jika papir x saja
 $\rightarrow x_1 = x_2$

penyempurnaan kuasa dua
 (melengkapkan kuasa dua)
 $x^2 + bx + c = 0$
 $(x + \frac{b}{2})^2 - (\frac{b}{2})^2 + c = 0$
 @
 $x^2 - bx + c = 0$
 $(x - \frac{b}{2})^2 - (\frac{b}{2})^2 + c = 0$
 @
 $ax^2 + bx + c = 0$
 $a [x^2 + \frac{b}{a}x] + c = 0$
 $a [(x + \frac{b}{2a})^2 - (\frac{b}{2a})^2] + c = 0$
 $a (x + \frac{b}{2a})^2 - \frac{b^2}{4a} + c = 0$

menggunakan rumus

$$x = \frac{-b \pm \sqrt{b^2 - 4ac}}{2a}$$

Bentuk Persamaan Kuadratik daripada Punca
 punca = α, β
 $SOR =$ hasil tambah punca-punca
 $POR =$ hasil darab punca-punca
 $x^2 - (SOR)x + (POR) = 0 \sim SOR = \alpha + \beta \quad \& \quad POR = \alpha\beta$
 @
 $SOR = -(\frac{b}{a})$ dan $POR = \frac{c}{a}$

Bentuk Verteks
 $f(x) = a(x-h)^2 + k$
 • dipantul pada paksi-x
 $f(x) = -a(x-h)^2 - k$
 • dipantul pada paksi-y
 $f(x) = a(x+h)^2 - k$
 $a > 0$ **graf parabola**
 [persamaan tangen]
 $y = k$
 (h, k) [titik minimum]
 $x = h$
 [persamaan paksi simetri]

Bentuk AM
 $f(x) = ax^2 + bx + c$
 $a < 0$, titik maksimum
 $[-\frac{b}{2a}, f(-\frac{b}{2a})]$
Bentuk Pintasan
 $f(x) = a(x-p)(x-q)$
 titik pusingan / pegun / verters
 $[\frac{p+q}{2}, f(\frac{p+q}{2})]$

$k = f(-\frac{b}{2a}) = \frac{4ac-b^2}{4a} = f(\frac{p+q}{2})$
 domain : $-\infty \leq x \leq \infty$
 hubungan ~ banyak kepada satu
 domain : $x \leq h$ @ $x \geq h$
 hubungan ~ satu kepada satu
 $h = -(\frac{b}{2a}) = \frac{p+q}{2}$

$f(x)$ tidak menyilang paksi-x
 $f(x)$ sentiasa atas @ bawah paksi-x
 $f(x)$ sentiasa positif @ negatif
 [tiada punca / punca khayalan]
 $b^2 - 4ac < 0$ (negatif)
 punca nyata
 $b^2 - 4ac \geq 0$

CATATAN :

- Melakukan graf fungsi kuadratik**
 (i) cari titik minimum @ maksimum
 (ii) cari pintasan-y
 \rightarrow nilai c @ gantikan $x = 0, f(0)$
 (iii) cari pintasan-x
 \rightarrow gantikan $y = 0 \sim$ kalkulator (EQN)
 (iv) cari nilai $f(m)$ dan $f(n)$ untuk domain : $m \leq x \leq n$ yang diberikan.

TOPIK 2 : FUNGSI KUADRATIK

[2 – 4 soalan → 4 – 13 markah]

Ulangkaji

⇒ *punca suatu persamaan kuadratik ~ nilai x (pemboleh ubah) yang memuaskan persamaan*

- 1 Diberi bahawa -1 ialah satu daripada punca persamaan kuadratik $x^2 - 4x - p = 0$. Cari nilai p .
(Jwp : 5)
[2 markah] [2008, No.4]

Jawapan :

- 2 Diberi -7 ialah satu daripada punca persamaan kuadratik $(x + k)^2 = 16$, dengan keadaan k ialah pemalar. Cari nilai-nilai k .
(Jwp : 3, 11)
[2 markah] [2015, No.5]

Jawapan :

- 3 Jika $-\frac{3}{2}$ ialah satu daripada punca persamaan kuadratik $2x^2 - 7x = 18 + px$, dengan keadaan p ialah pemalar. Cari
- (a) nilai p , (Jwp : 2)
- (b) punca yang satu lagi bagi persamaan. (Jwp : 6)

[4 markah] [Ramalan]

Jawapan :

- (a) (b)

MINDA :

- Punca bagi persamaan kuadratik :


→ nilai-nilai pemboleh ubah / anu (x) yang suatu persamaan kuadratik.

- 4 Jika $p - 1$ dan $q + 2$ adalah punca-punca bagi persamaan kuadratik $x^2 + 5x + 4 = 0$. Cari nilai-nilai yang mungkin bagi p dan q .
(Jwp : $p = -3, q = -3$ and $p = 0, q = -6$)
[4 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

⇒ masalah melibatkan persamaan kuadratik

- 5 Rajah menunjukkan pandangan hadapan bagi empat keping kayu dengan lebar yang sama. Jumlah luas permukaan hadapan keempat-empat kayu itu ialah 20 cm^2 . Keempat-empat keping kayu itu diguna untuk menghasilkan sebuah bingkai gambar berbentuk segi empat tepat seperti yang ditunjukkan dalam Rajah.



Hitung lebar, dalam cm, kepingan kayu itu.

(Jwp : $0.5 / \frac{1}{2}$)

[3 markah] [**2016, No.25**]

Jawapan :

MINDA :

- pemfaktoran menggunakan kalkulator : **CASIO fx-570MS**, **CANON F-570SG**, **OLYMPIA ES-570MS**
...

Contoh : $3x^2 - 5x - 12 = 0 \rightarrow$ mode mode mode 1 ▶ 2

$$a ? 3 = \quad b ? -5 = \quad c ? -12 = \rightarrow x_1 = 3$$

$$= \rightarrow x_2 = -1.33 \dots \quad \text{shift} \quad \text{a b/c} \quad -\frac{4}{3}$$

NOTA : jika papir x saja $\rightarrow x_1 = x_2$ (2 punca yang sama)

$$(x - \text{punca})^2 = 0$$

$$\downarrow$$

$$(x - 3)(3x + 4) = 0$$

- 6 Umur Gloria sekarang adalah lima kali ganda umur anaknya. Empat tahun yang lepas, hasil darab umur Gloria dan umur anaknya ialah 52. Cari umur Gloria dan umur anaknya sekarang. (Jwp : 30, 6)
[4 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- 7 Annabella membeli sejumlah pen dengan harga RM60. Jika setiap pen mendapat diskaun 20 sen, dia boleh membeli 10 batang pen lebih pada harga yang sama.
Cari bilangan pen yang dibeli oleh Annabella. (Jwp : 50)

[4 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- 8 Semasa sesi latihan bagi menghadapi Sukan Olimpik, Kenney berbasikal sejauh 60 km dari Kota Kinabalu ke Kota Belut dengan kelajuan seragam. Jika dia menambahkan kelajuannya sebanyak 10 kmj⁻¹, dia akan sampai di Kota Belut setengah jam lebih awal.
- (a) Bentukkan persamaan kuadratik dalam sebutan x , yang menunjukkan pergerakan Kenney. (Jwp : $x^2 + 10x - 1200 = 0$) [2 markah]
- (b) Hitungkan laju asal Kenney. (Jwp : 30) [2 markah]
[*Ramalan*]

Jawapan :

- 9 Boeoon ingin memagar sebuah kebun sayurinya dengan menggunakan dawai pagar. Luas kebun sayurinya yang berbentuk segi empat tepat ialah 1787.5 m². Ukuran panjang kebun tersebut adalah kurang 10 m daripada dua kali ukuran lebarnya. Harga pukal bagi segulung dawai pagar dengan panjang 15 m ialah RM150, manakala harga runcit 1 m ialah RM12.50. Tentukan kos terendah, dalam RM, yang diperlukan untuk membeli dawai pagar itu. (Ans : 1775)
[4 markah] [*Ramalan*]

Jawapan :

2.1 Persamaan dan ketaksamaan kuadratik**2.1.1 Menyelesaikan persamaan kuadratik menggunakan kaedah penyempurnaan kuasa dua dan rumus.**

\Rightarrow *menentukan punca persamaan kuadratik ~ rumus*

- 10** Selesaikan persamaan kuadratik $2x(x - 4) = (1 - x)(x + 2)$. Tuliskan jawapan anda betul kepada empat angka bererti.

(Jwp : -0.2573, 2.591)

[3 markah] [2003, No.3]

Jawapan :

- 11** Selesaikan persamaan kuadratik $x(2x - 5) = 2x - 1$. Berikan jawapan anda betul kepada tiga tempat perpuluhan.

(Jwp : 0.149, 3.351)

[3 markah] [2005, No.5]

Jawapan :

- 12** Eva melontar sebiji bola dengan ketinggian bola, h m dari tanah selepas t saat adalah diberi oleh persamaan $h = -4.9t^2 + 18t + 1.5$. Tentukan sama ada bola tersebut boleh mencapai ketinggian 15 m dari tanah. Berikan alasan kepada jawapan anda.

(Jwp : 2.62, 1.05)

[3 markah] [Ramalan]

Jawapan :

MINDA :

• selesai guna rumus : $x = \frac{-b \pm \sqrt{b^2 - 4ac}}{2a}$

Contoh : $3x^2 - 5x - 12 = 0 \rightarrow x = \frac{-(-5) \pm \sqrt{(-5)^2 - 4(3)(-12)}}{2(3)} \rightarrow x = \frac{5 \pm \sqrt{169}}{6} \rightarrow x = 3, -\frac{4}{3}$

\Rightarrow menentukan punca persamaan kuadratik ~ penyempurnaan kuasa dua

- 13 Selesaikan persamaan kuadratik $2x^2 - 6x = x(x + 3) - 4$ dengan kaedah penyempurnaan kuasa dua. Berikan jawapan anda betul kepada tiga tempat perpuluhan.

(Jwp : 8.531, 0.469)
[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- 14 Selesaikan persamaan kuadratik $2x(x - 3) = (x + 4)(1 - x)$ dengan kaedah penyempurnaan kuasa dua. Berikan jawapan anda betul kepada tiga angka bererti.

(Jwp : -0.758, 1.76)
[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

MINDA :

<i>penyempurnaan kuasa dua</i>		
$x^2 + bx + c = 0$	$x^2 - bx + c = 0$	$ax^2 + bx + c = 0$
$(x + \frac{b}{2})^2 - (\frac{b}{2})^2 + c = 0$	$(x - \frac{b}{2})^2 - (-\frac{b}{2})^2 + c = 0$	$a[x^2 + \frac{b}{a}x] + c = 0$
		$a[(x + \frac{b}{2a})^2 - (\frac{b}{2a})^2] + c = 0$
		$a(x + \frac{b}{2a})^2 - \frac{b^2}{4a} + c = 0$

=====

2.1.2 Membentuk persamaan kuadratik daripada punca-punca yang diberi.

=====

\Rightarrow *membentuk persamaan kuadratik daripada punca ~ 1*

- 15** Bentukkan persamaan kuadratik yang mempunyai punca-punca -3 dan $\frac{1}{2}$. Beri jawapan anda bentuk $ax^2 + bx + c = 0$, dengan keadaan a , b , and c adalah pemalar. (Jwp : $2x^2 + 5x - 3 = 0$)
[2 markah] [2004, No.4]

Jawapan :

- 16** Bentukkan persamaan kuadratik dengan punca $\frac{1}{2}$. Berikan jawapan anda dalam bentuk $ax^2 + bx + c = 0$, dengan keadaan a , b dan c ialah pemalar. (Jwp : $4x^2 - 4x + 1 = 0$)
[2 markah] [Ramalan]

Jawapan :

- 17 Diberi bahawa satu daripada punca-punca bagi persamaan kuadrat adalah salingan kepada yang satu lagi. Jika 5 ialah satu daripada puncanya, bentukkan persamaan kuadrat itu. Berikan jawapan anda dalam bentuk $ax^2 + bx + c = 0$, dengan keadaan a , b dan c ialah pemalar. (Jwp : $5x^2 - 26x + 5 = 0$)
[2 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

MINDA :

- Suatu fungsi kuadrat, $ax^2 + bx + c = 0$, dengan punca-punca, α dan β .
 $\sim (x - \alpha)(x - \beta) = 0$
 $\sim x^2 - (\alpha + \beta)x + \alpha\beta = 0$ @ $x^2 - (SOR)x + POR = 0 \Rightarrow SOR = \text{hasil tambah punca, } POR = \text{hasil darab punca}$
 $\sim SOR = \alpha + \beta = -\frac{b}{a}, POR = \alpha\beta = \frac{c}{a}$

\Rightarrow **membentuk persamaan kuadrat daripada punca ~ 2**

- 18 Diberi bahawa persamaan kuadrat $3x^2 + 8x + 7 = 0$ mempunyai punca-punca α dan β . Bentukkan persamaan kuadrat dengan punca-punca 3α dan 3β . (Jwp : $x^2 + 8x + 21 = 0$)
[3 markah] [**2016, No.17**]

Jawapan :

- 19 Diberi bahawa m dan n ialah punca-punca bagi persamaan kuadratik $2x^2 - 5x - 3 = 0$. Bentukkan persamaan kuadratik dengan punca-punca $m - 1$ dan $n - 1$.
 (Ans : $2x^2 - x - 6 = 0$)
 [3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- 20 Diberi bahawa p dan q ialah punca-punca bagi persamaan kuadratik $2x^2 = 4 - x$. Bentukkan persamaan kuadratik dengan punca-punca p^2 and q^2 .
 [**Nota** : $a^2 + b^2 = (a + b)^2 - 2ab$]
 (Ans : $4x^2 - 17x + 16 = 0$)
 [3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- 21 Diberi α dan β ialah punca bagi persamaan kuadratik $x^2 + 6x + 3 = 0$. Cari nilai :

(a) $\alpha + \beta$, (Jwp : -6)

(b) $\frac{\alpha^2 + \beta^2}{\alpha\beta}$. (Jwp : 10)

[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

(a)

(b)

- 22 Persamaan kuadrat $x^2 + 3x - 4 = 0$ mempunyai punca α dan β . Persamaan $x^2 + 6x + p = 0$ mempunyai punca $\frac{k}{\alpha}$ dan $\frac{k}{\beta}$. Cari nilai k dan nilai p . (Jwp : $k = -8, p = -16$)

[4 markah] [klon 2015, K2, 5(b)]

Jawapan :

\Rightarrow membentuk persamaan kuadratik daripada punca ~ 3

- 23 Diberi bahawa 3 dan $m + 4$ ialah punca-punca bagi persamaan kuadratik $x^2 + (n - 1)x + 6 = 0$, dengan keadaan m dan n ialah pemalar. Cari nilai m dan nilai n . (Jwp : $m = -2, n = -4$)

[3 markah] [2012, No.4]

Jawapan :

24 Diberi persamaan kuadratik $2x^2 + mx - 5 = 0$, dengan keadaan m ialah pemalar, cari nilai m jika

(a) satu daripada punca-punca persamaan itu ialah 2, (Jwp : $-\frac{3}{2}$)

(b) hasil tambah punca-punca persamaan itu ialah -4 . (Jwp : 8)

[4 markah] [2014, No.5]

Jawapan :

(a) (b)

25 Diberi bahawa persamaan kuadratik $hx^2 - 3x + k = 0$, dengan keadaan h dan k ialah pemalar, mempunyai punca-punca β dan 2β . Ungkapkan h dalam sebutan k . (Jwp : $\frac{2}{k}$)

[3 markah] [2018, No.21]

Jawapan :

26 Jika satu daripada punca persamaan kuadratik $x\left(6 - \frac{n}{x}\right) = 2x^2 + 9$ ialah satu pertiga punca yang satu

lagi, cari nilai n . (Jwp : $-\frac{45}{8}$)

[3 markah] [Ramalan]

Jawapan :

- 27 Diberi α dan β ialah punca-punca persamaan $(1 - 2x)(x + 5) = k$ dan $\alpha = 2\beta$. Cari nilai k .
(Jwp : 14)
[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- 28 Diberi $\frac{\alpha}{2}$ dan $\frac{\beta}{2}$ ialah punca bagi persamaan $kx(x - 1) = 2m - x$. Jika $\alpha + \beta = 6$ dan $\alpha\beta = 3$, carikan nilai k dan nilai m .
(Jwp : $k = -\frac{1}{2}$, $m = \frac{3}{16}$)
[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

2.1.3 Menyelesaikan ketaksamaan kuadratik.

\Rightarrow ketaksamaan kuadratik

- 29 Cari julat nilai x bagi $x(x - 4) \leq 12$.

(Jwp : $-2 \leq x \leq 6$)
[3 markah] [**2004, No.5**]


Jawapan :

- 30 Cari julat nilai x bagi $(2x - 1)(x + 4) > 4 + x$.

(Jwp : $x < -4, x > 1$)
[2 markah] [2006, No.5]

Jawapan :

MINDA :



- 31 Cari julat nilai x bagi $(x - 3)^2 < 5 - x$.

(Jwp : $1 < x < 4$)
[3 markah] [2008, No.6]

Jawapan :

- 32 Cari julat nilai x bagi $3x^2 - 5x - 16 \leq x(2x + 1)$.

(Jwp : $-2 \leq x \leq 8$)
[3 markah] [2011, No.6]

Jawapan :

- 33 Diberi $f(x) = -3x^2 + 2x + 13$, cari julat nilai x untuk $f(x) \leq 5$.

(Jwp : $x \leq -\frac{4}{3}, x \geq 2$)
[3 markah] [2012, No.6]

Jawapan :

- 34 Cari julat nilai x dengan keadaan fungsi kuadratik $f(x) = 6 + 5x - x^2$ ialah negatif.

(Jwp : $x < -1, x > 6$)
[3 markah] [2017, No.12]

Jawapan :

⇒ *masalah melibatkan ketaksamaan kuadratik*

- 35 Firdaus mempunyai sekeping papan lapis berbentuk segi empat tepat yang berukuran $3x$ meter panjang dan $2x$ meter lebar. Dia memotong sebahagian daripada papan lapis itu kepada bentuk segi empat sama yang bersisi x meter untuk membuat permukaan meja. Cari julat nilai x jika luas papan lapis yang tinggal adalah sekurang-kurangnya $(x^2 + 4)$ meter².
(Jwp : $x \geq 1$)
[3 markah] [2018, No.19]

Jawapan :

2.2 *Jenis-jenis punca persamaan kuadratik*

2.2.1 **Membuat perkaitan antara jenis-jenis punca persamaan kuadratik dan nilai pembezaian.**

2.2.2 **Menyelesaikan masalah yang melibatkan jenis-jenis punca dalam persamaan kuadratik.**

⇒ *jenis punca suatu persamaan kuadratik ~ 1*

- 36 Diberi bahawa persamaan kuadratik $x(x - 5) = 4$
- Ungkapkan persamaan itu dalam bentuk $ax^2 + bx + c = 0$.
 - Nyatakan hasil tambah punca bagi persamaan itu.
 - Tentukan jenis punca bagi persamaan itu.

[3 markah] [2013, No.4]

Jawapan :

(a) (c)

(b)

- 37 Pada ruang jawapan, padankan jenis punca bagi setiap persamaan kuadratik yang diberi.

[3 markah] [*Ramalan*]

Jawapan :

$x^2 - \frac{4}{3}x + \frac{4}{9} = 0$	•	•	2 punca nyata dan berbeza
$x(1 - 3x) = 2$	•	•	2 punca nyata yang sama
$3x^2 = 2x + 7$	•	•	tidak mempunyai punca nyata / punca khayalan

MINDA :

<i>Jenis Punca bagi Suatu Persamaan Kuadratik → dengan menentukan nilai bagi pembeza, $b^2 - 4ac$</i>			
dua punca berlainan @ bersilang pada 2 titik berbeza ↓ $b^2 - 4ac > 0$	dua punca sama @ tangen ↓ $b^2 - 4ac = 0$	tiada punca / punca khayalan @ tidak bersilang ↓ $b^2 - 4ac < 0$	punca-punca nyata ↓ $b^2 - 4ac \geq 0$

⇒ jenis punca suatu persamaan kuadratik ~ 2

- 38 Persamaan kuadratik $x(x + 1) = px - 4$ mempunyai dua punca berbeza. Carikan julat nilai p .

(Jwp: $p < -3, p > 5$)
[3 markah] [2003, No.4]

Jawapan :

- 39 Suatu persamaan kuadrat $x^2 + px + 9 = 2x$ mempunyai dua punca sama. Carikan nilai-nilai p yang mungkin. (Jwp: -4, 8)
[4 markah] [2006, No.3]

Jawapan :

- 40 (a) Selesaikan persamaan kuadrat berikut :

$$3x^2 + 5x - 2 = 0$$

$$(Jwp : \frac{1}{3}, -2)$$

- (b) Persamaan kuadrat $hx^2 + kx + 3 = 0$, dengan keadaan h dan k ialah pemalar, mempunyai dua punca sama. Ungkapkan h dalam sebutan k .

$$(Jwp: h = \frac{k^2}{12})$$

[4 markah] [2007, No.4]

Jawapan :

- (a) (b)

- 41 Persamaan kuadrat $x^2 + x = 2px - p^2$, dengan keadaan p ialah pemalar, mempunyai dua punca yang berbeza. Cari julat nilai p . (Jwp : $p < \frac{1}{4}$)

[3 markah] [2009, No.4]

Jawapan :

- 42 Persamaan kuadratik $(1 - p)x^2 - 6x + 10 = 0$, dengan keadaan p ialah pemalar, mempunyai dua punca berbeza. Cari julat nilai p . (Jwp : $p > \frac{1}{10}$)

[3 markah] [2010, No.5]

Jawapan :

- 43 Persamaan kuadratik $mx^2 + (1 + 2m)x + m - 1 = 0$ mempunyai dua punca sama. Cari nilai m .

(Jwp : $-\frac{1}{8}$)

[3 markah] [2011, No.4]

Jawapan :

- 44 Persamaan kuadratik $x(x - 4) = h - 2k$, dengan keadaan h dan k ialah pemalar, mempunyai dua punca sama. Ungkapkan h dalam sebutan k .

(Jwp : $h = 2k - 4$)

[3 markah] [2012, No.5]

Jawapan :

- 45 Diberi persamaan kuadratik $(1 - a)x^2 - 2x + 5 = 0$ tidak mempunyai punca, cari julat nilai a .
(Jwp : $a < \frac{4}{5}$)

[2 markah] [2014, No.3]

Jawapan :

- 46 (a) Diberi bahawa satu daripada punca-punca bagi persamaan kuadratik $x^2 + (p + 3)x - p^2 = 0$, dengan keadaan p ialah pemalar, adalah negatif kepada yang satu lagi. Cari nilai bagi hasil darab punca.
(Jwp : -9)
[2 markah]

- (b) Diberi bahawa persamaan kuadratik $mx^2 - 5nx + 4m = 0$, dengan keadaan m dan n ialah pemalar, mempunyai dua punca yang sama. Cari $m : n$.
(Jwp : 5 : 4)
[2 markah]
[2017, No.13]

Jawapan :

- (a) (b)

- 47 Diberi bahawa persamaan kuadratik $(px)^2 + 5qx + 4 = 0$ mempunyai dua punca yang sama manakala kuadratik $hx^2 - px + p$ tiada punca, dengan keadaan p , q dan h ialah pemalar. Ungkapkan julat q dalam sebutan h .
(Jwp : $q < \frac{1}{5h}$, jika $h < 0$; $q > \frac{1}{5h}$, jika $h > 0$)

[3 markah] [2019, No.9]

Jawapan :

⇒ *jenis punca suatu persamaan kuadrat ~ 3*

- 48 Garis lurus $y = 5x - 1$ tidak bersilang dengan lengkung $y = 2x^2 + x + p$. Carikan julat nilai p .
(Jwp : $p > 1$)
[4 markah] [2005, No.4]

Jawapan :

- 49 Diberi bahawa lengkung $y = (p - 2)x^2 - x + 7$, dengan keadaan p ialah pemalar, bersilang dengan garis lurus $y = 3x + 5$ pada dua titik. Cari julat nilai p .
(Jwp : $p < 4$)
[3 markah] [2018, No.20]

Jawapan :

- 50 Tunjukkan bahawa garis lurus $y = x + k$ bersilang dengan lengkung $x^2 + y^2 - 5x = 4$ pada dua titik yang berbeza jika $4k^2 + 20k - 57 < 0$.
[3 markah] [Ramalan]

Jawapan :










- 51 Diberi garis lurus $y = mx + m - 2$ ialah tangen kepada lengkung $y = x^2 + 3x + 1$. Cari nilai-nilai yang mungkin bagi m .
 (Jwp : -1, 3)
 [3 markah] [Ramalan]

Jawapan :









2.3 Fungsi kuadratik

2.3.1 Menganalisis dan membuat generalisasi tentang kesan perubahan a , b , dan c dalam $f(x) = ax^2 + bx + c$ terhadap bentuk dan kedudukan graf.


- 52 Rajah menunjukkan graf, $f(x) = ax^2 + bx + c$. Padankan graf yang berikut dengan nilai a yang mungkin.

- 53 Padankan fungsi kuadratik yang berikut dengan graf yang betul.



		
		
		
		

54 Padankan fungsi kuadratik yang berikut dengan graf yang betul.




$f(x) = ax^2 + bx \sim a > 0, b > 0$

$f(x) = ax^2 + bx \sim a > 0, b < 0$




$f(x) = ax^2 + bx \sim a < 0, b > 0$

$f(x) = ax^2 + bx \sim a < 0, b < 0$





55 Padankan fungsi kuadratik yang berikut dengan graf yang betul.




$f(x) = ax^2 + bx + c \sim a > 0, b > 0$

$f(x) = ax^2 + bx + c \sim a > 0, b < 0$



$f(x) = ax^2 + bx + c \sim a < 0, b > 0$

$f(x) = ax^2 + bx + c \sim a < 0, b < 0$







56 Rajah menunjukkan graf bagi $f(x) = -x^2 + 4x + 5$, dengan $a = -1$, $b = 4$ dan $c = 5$. Padankan graf $f(x)$ yang terbentuk bagi perubahan nilai dalam a , b dan c .

$a \rightarrow -4$

$a \rightarrow -0.25$

$b \rightarrow -4$




c berkurang sebanyak 2



2.3.2 Menghubungkan kedudukan graf fungsi kuadratik dengan jenis punca.

⇒ *menghubungkan kedudukan graf fungsi kuadratik dengan jenis punca persamaan $f(x) = 0$ ~ 1*

57 Padankan kedudukan graf fungsi kuadratik dengan nilai pembeza, $b^2 - 4ac$, yang betul.

<p>~ graf tidak menyilang paksi-x. ~ tiada punca nyata. (punca khayalan)</p>	<p>~ graf menyilang paksi-x pada 2 titik yang berbeza. ~ dua punca nyata dan berbeza.</p>	<p>~ graf menyilang paksi-x pada satu titik sahaja. (paksi-x tangen kepada graf) ~ 2 punca nyata yang sama.</p>
		
<p>$b^2 - 4ac = 0$</p>	<p>$b^2 - 4ac < 0$</p>	<p>$b^2 - 4ac > 0$</p>

58 Graf fungsi kuadratik $f(x) = px^2 - 2x - 3$, dengan keadaan p ialah pemalar, tidak bersilang dengan paksi-x. Cari julat nilai p .

(Jwp : $p < -\frac{1}{3}$)

[3 markah] [2013, No.5]

Jawapan :

59 Graf fungsi kuadratik $f(x) = px^2 - 8x + q$, dengan keadaan p dan q ialah pemalar, mempunyai satu titik maksimum.

- (a) Diberi p ialah suatu integer dengan keadaan $-2 < p < 2$, nyatakan nilai p .
- (b) Menggunakan jawapan dari (a), cari nilai q apabila graf itu menyentuh paksi- x pada satu titik.

(Jwp : -16)
[3 markah] [2015, No.3]

Jawapan :

- (a) (b)

60 Diberi fungsi kuadratik $f(x) = x^2 + 2wx + 3w - 2$, dengan keadaan w ialah pemalar, adalah sentiasa positif (berada di atas paksi- x sepenuhnya) apabila $p < w < q$.

Cari nilai p dan nilai q .

(Jwp : $p = 1, q = 2$)
[3 markah] [2016, No.18]

Jawapan :


61 Tunjukkan bahawa graf fungsi $f(x) = p^2x^2 + 3px + 2$ adalah sentiasa menyalang paksi $-x$ untuk semua nilai p .

[3 markah] [Ramalan]

Jawapan :

\Rightarrow *menghubungkan kedudukan graf fungsi kuadratik dengan jenis punca persamaan $f(x) = 0$ ~ 2*

- 62 Rajah menunjukkan graf bagi fungsi kuadratik $f(x) = \frac{p}{x^n} + qx + r$ dengan keadaan p , q , r , n dan u ialah pemalar.



- (a) Nyatakan nilai n .
 (b) Jika $f(x) = 0$ dan hasil darab punca ialah r , nyatakan nilai
 (i) q ,
 (ii) p .

(Jwp : 1)
 [3 markah] [2019, No.2]

Jawapan :

- (a) (b) (i)

(ii)

- 63 Diberi fungsi $f : x \rightarrow x^2 + px + q$. Jika $f(x) > 0$ untuk $x < 2$ dan $x > 3$. Cari nilai p dan q .

(Jwp : $p = -5$, $q = 6$)
 [3 markah] [Ramalan]


Jawapan :

- 64 Diberi $f(x) = 2x^2 + px + 16$ dan $f(x)$ adalah negatif jika $2 < x < k$. Cari nilai p dan k . (Jwp : $p = -12, k = 4$)

[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- 65 Rajah menunjukkan graf fungsi kuadratik $f(x) = x^2 + mx - x + 6$, dengan keadaan n ialah pemalar.



Cari

- (a) punca-punca bagi persamaan kuadratik $x^2 + mx - x + 6 = 0$.

(Jwp : 2, 3)

- (b) nilai m .

(Jwp : -4)

[3 markah] [**Ramalan**]



Jawapan :

(a)

(b)

2.3.3 Membuat perkaitan antara bentuk verteks fungsi kuadratik, $f(x) = a(x - h)^2 + k$ dengan bentuk fungsi kuadratik yang lain.

66 Lengkapkan yang berikut :



A =


C =

B =

D =

\Rightarrow bentuk verteks (titik pusingan - titik minimum @ maksimum) ~ 1

- 67 Rajah menunjukkan graf kuadratik $f(x) = 3(x + p)^2 + 2$, dengan keadaan p ialah pemalar



Lengkung $y = f(x)$ mempunyai titik minimum $(1, q)$, dengan keadaan q ialah pemalar. Nyatakan

- (a) nilai p ,
- (b) nilai q ,
- (c) persamaan paksi simetri.

[3 markah] [2005, No.6]

Jawapan :

- (a) _____
- (b) _____
- (c) _____

- 68 Fungsi kuadratik $f(x) = p(x + q)^2 + r$, dengan keadaan p , q dan r adalah pemalar, mempunyai nilai minimum -4 . Persamaan paksi simetrinya ialah $x = 3$. Nyatakan


- (a) julat nilai p ,
- (b) nilai q ,
- (c) nilai r .

[3 markah] [2008, No.5]

Jawapan :

- (a) _____
- (b) _____
- (c) _____

- 69 Rajah menunjukkan graf fungsi kuadratik $f(x) = -(x + p)^2 + q$, dengan keadaan p dan q adalah pemalar.



Nyatakan


- (a) nilai p ,
 (b) persamaan paksi simetri.

7.3.4 Membuat generalisasi tentang rumus luas poligon apabila koordinat setiap bucu diketahui dan seterusnya menggunakan rumus tersebut untuk menentukan luas poligon.

66 Rajah menunjukkan dua segi tiga, ABC dan ACD , yang dilukis pada suatu satah Cartes.


(a) Tunjukkan bahawa :

(i)
$$\text{luas } \triangle ABC = \frac{1}{2} | x_1y_2 + x_2y_3 + x_3y_1 - y_1x_2 - y_2x_3 - y_3x_1 | \Rightarrow \frac{1}{2} \left| \begin{array}{ccc} x_1 & x_2 & x_3 \\ y_1 & y_2 & y_3 \\ y_1 & y_2 & y_3 \end{array} \right|$$

(ii) seterusnya, luas sisi empat $ABCD = \frac{1}{2} | x_1y_2 + x_2y_3 + x_3y_4 + x_4y_1 - y_1x_2 - y_2x_3 - y_3x_4 - y_4x_1 |$

 (b) Berdasarkan (a), buat satu kesimpulan secara induksi tentang luas bagi suatu poligon dengan n sisi.

 [6 markah] [*Ramalan*]

Jawapan :

MINDA :

Rumus Shoelace :

- $$\text{luas } \Delta = \frac{1}{2} \left| \begin{array}{cccc} x_1 & x_2 & x_3 & x_1 \\ y_1 & y_2 & y_3 & y_1 \end{array} \right| = \frac{1}{2} \left| \overbrace{(x_1 y_2 + x_2 y_3 + x_3 y_1)}^{\text{nilai (+) ~ koordinat bagi bucu-bucu disusun ikut arah lawan jam}} - \underbrace{(y_1 x_2 + y_2 x_3 + y_3 x_1)}_{\text{nilai (-) ~ koordinat bagi bucu-bucu disusun ikut arah jam}} \right|$$
- ~ Jika tiga titik A , B dan C adalah segaris \rightarrow luas $\Delta ABC = \square$
- $$\text{luas sisi empat} = \frac{1}{2} \left| \begin{array}{ccccc} x_1 & x_2 & x_3 & x_4 & x_1 \\ y_1 & y_2 & y_3 & y_4 & y_1 \end{array} \right| = \frac{1}{2} \left| (x_1 y_2 + x_2 y_3 + x_3 y_4 + x_4 y_1) - (y_1 x_2 + y_2 x_3 + y_3 x_4 + y_4 x_1) \right|$$
- $$\text{luas poligon dengan } n \text{ sisi} = \frac{1}{2} \left| \begin{array}{ccccccc} x_1 & x_2 & x_3 & \dots & x_n & x_1 \\ y_1 & y_2 & y_3 & \dots & y_n & y_1 \end{array} \right|$$

$$= \frac{1}{2} \left| (x_1 y_2 + x_2 y_3 + x_3 y_4 + \dots + x_n y_1) - (y_1 x_2 + y_2 x_3 + y_3 x_4 + \dots + y_n x_1) \right|$$

=====

7.3.2 Menentukan luas segi tiga dengan menggunakan rumus.

7.3.3 Menentukan luas sisi empat dengan menggunakan rumus.

=====

\Rightarrow **luas 1**

- 67** Dengan mempertimbangkan luas segi tiga PQR , tunjukkan bahawa titik-titik $P(2, 5)$, $Q(-1, -1)$ dan $R(-4, -7)$ adalah segaris.

[2 markah] [**Ramalan**]


Jawapan :

- 68** Dengan mempertimbangkan luas sisi empat $PQRS$, tentukan sama ada $P(-5, 5)$, $Q(-3, -2)$, $R(-1, 1)$, dan $S(3, 7)$ segaris.

[2 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- 69 Rajah menunjukkan sebuah segi empat selari $OABC$ dengan $A(0, 5)$ dan $B(4, 7)$.




Cari luas segi empat selari $OABC$.

Jawapan :

(Jwp : 20)
[3 markah] [**Ramalan**]

- 70 Rajah menunjukkan sebuah segi empat selari $PQRS$.



Cari luas segi empat selari $PQRS$.

Jawapan :

(Jwp : 24)
[3 markah] [**Ramalan**]

- 71 Cari luas sebuah pentagon $PQRST$ dengan bucu-bucu $P(-2, 1)$, $Q(1, 5)$, $R(4, 4)$, $S(6, -1)$ dan $T(2, -3)$.

Jawapan :

(Jwp : 37.5)
[2 markah] [**Ramalan**]

\Rightarrow luas 2

- 72 Bucu-bucu sebuah segi tiga ialah $A(5, 2)$, $B(4, 6)$ and $C(p, -2)$. Diberi luas segi tiga itu ialah 30 unit², cari nilai p .
(Jwp: -9, 21)
[3 markah] [2007, No.14]

Jawapan :

- 73 Titik-titik $(0, 3)$, $(2, t)$ dan $(-2, -1)$ ialah bucu-bucu sebuah segi tiga. Diberi luas segi tiga itu ialah 4 unit², cari nilai-nilai t .
(Jwp : 3, 11)
[3 markah] [2008, No.14]

Jawapan :

- 74 Titik-titik $P(k, 3)$, $Q(9, k)$, $R(2k, 7)$, dan $S(-3, 3k + 2)$ ialah bucu-bucu sebuah sisi empat. Cari nilai bagi k jika luas $PQRS$ ialah 30 unit², dengan keadaan $k > 0$, dan k ialah integer.
(Jwp : 2)
[3 markah] [Ramalan]

Jawapan :


- 75 Luas sebuah segi empat selari dengan bucu-bucu $A(-1, -2)$, $B(1, -1)$, $C(3, 4)$, dan $D(p, q)$ ialah 23 unit^2 . Tunjukkan bahawa $2q - 3p = 18$.

[3 markah] [*Ramalan*]

Jawapan :

7.3.5 Menyelesaikan masalah yang melibatkan luas poligon.

- 76 Rajah menunjukkan kedudukan tiga tapak perkhemahan A , B dan C di sebahagian tebing sebatang sungai yang dilukis pada suatu Cartes, dengan keadaan A dan B terletak pada sebelah tebing sungai yang lurus.



Shah hendak menyeberangi sungai tersebut dari tapak perkhemahan C ke tebing sungai bertentangan di mana terletaknya tapak perkhemahan A dan B . Cari jarak terdekat, dalam m, yang dia boleh lalui untuk menyeberangi sungai tersebut. Beri jawapan anda betul kepada empat tempat perpuluhan.

(Jwp : 7.1587)

[4 markah] [*2018, No.23*]

Jawapan :


- 77 Diberi garis lurus $2y = x + 6$ memotong paksi-x dan paksi-y masing-masing di titik A dan titik B . Jika C ialah $(-4, 5)$, cari luas segi tiga ABC . (Jwp : 12)
[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- 78 Diberi garis lurus $2x + y - 8 = 0$ bersilangan dengan garis lurus $y = k$, paksi-x dan paksi-y masing-masing di titik A , B dan C . Jika luas ΔOAC ialah 12 unit^2 , cari nilai k . (Jwp : 2)
[3 markah] [**klon buku teks tingkatan 4**]

Jawapan :

- 79 Rajah menunjukkan sebuah segi tiga ABC dengan luas 18 unit^2 . Persamaan garis lurus bagi BC ialah $y - x + 1 = 0$.



Cari koordinat titik B .

[Jwp : (3, 2)]
[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :


7.4 **Persamaan lokus**

7.2.1 Mewakilkkan secara grafik, lokus yang memenuhi syarat :

- (i) jarak titik yang bergerak dari suatu titik tetap adalah malar,
- (ii) nisbah jarak titik yang bergerak dari dua titik tetap adalah malar, dan seterusnya menentukan persamaan lokus tersebut.

⇒ grafik bagi suatu lokus

80 Pada ruang jawapan, pilih *P*, *Q* atau *R*, yang mewakili setiap lokus yang berikut.



[3 markah] [Ramalan]

Jawapan :

- (a) Lokus bagi suatu titik bergerak dengan jaraknya dari satu titik tetap adalah sentiasa malar.
- (b) Lokus bagi suatu titik bergerak dengan jaraknya dari dua titik tetap adalah sentiasa malar dalam nisbah $m : n$.
- (c) Lokus bagi suatu titik bergerak dengan jaraknya dari dua titik tetap adalah sentiasa sama.

MINDA :

Persamaan bulatan dengan pusat (a, b) dan jejari r unit → $(x-a)^2 + (y-b)^2 = r^2$

⇒ lokus bagi suatu titik bergerak dengan jaraknya dari satu titik tetap adalah sentiasa malar

81 Titik *P* bergerak dengan keadaan jaraknya sentiasa 5 unit daripada *Q* $(-3, 4)$.

- (a) Huraikan selengkapnya lokus bagi *P*. **
- (b) Cari persamaan lokus *P*.

(Jwp : $x^2 + y^2 + 6x - 8y = 0$)
[3 markah] [2010, No.14]

Jawapan :

- (a)
- (b)

- 82 Cari persamaan lokus bagi suatu titik bergerak P supaya jaraknya dari titik tengah $A(2, 0)$ dan $B(4, -2)$ adalah 3 unit.
(Jwp : $x^2 + y^2 - 6x + 2y + 1 = 0$)
[3 markah] [Ramalan]

Jawapan :

- 83 Titik P bergerak di sepanjang suatu lengkok bulatan yang berpusat $A(2, 3)$. Lengkok bulatan itu melalui titik $Q(-2, 0)$. Cari persamaan lokus P .
(Jwp : $x^2 + y^2 - 4x - 6y - 12 = 0$)
[3 markah] [Ramalan]

Jawapan :

- 84 Titik $P(2, 6)$, $Q(-4, -2)$ dan R terletak di lengkok suatu bulatan dengan diameter PQ . Cari persamaan lokus bagi titik bergerak R .
(Jwp : $x^2 + y^2 + 2x - 4y - 20 = 0$)
[4 markah] [Ramalan]

Jawapan :

- 85 Diberi titik $A(4, 6)$ dan $B(2, 4)$. Cari persamaan lokus bagi titik bergerak P supaya segi tiga APB sentiasa bersudut tegak pada P .
(Jwp : $x^2 + y^2 - 6x - 10y + 32 = 0$)
[4 markah] [Ramalan]

Jawapan :


- 86 Koordinat bagi titik A dan B masing-masing ialah $(-2, 1)$ dan $(5, -6)$. Cari persamaan lokus bagi titik bergerak R supaya $\angle ARB$ adalah sentiasa 90° .
(Jwp : $x^2 + y^2 - 3x + 5y - 16 = 0$)
[4 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- 87 Diberi persamaan lokus P berpusat $A(h, k)$ dan diameter 13 unit ialah $x^2 + y^2 - 5x - 12y = 0$. Cari koordinat titik A .
[Jwp : $(\frac{5}{2}, 6)$]
[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- 88 Rajah menunjukkan satu lokus $P(x, y)$ yang bergerak dengan keadaan jaraknya dari titik $M(0, h)$ adalah sentiasa sama.



Diberi persamaan lokus P ialah $x^2 + y^2 - 10y = 0$. Cari nilai h .

(Jwp : 5)
[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

\Rightarrow lokus bagi suatu titik bergerak dengan jaraknya dari dua titik tetap adalah sentiasa malar dalam nisbah $m : n$

- 89 Titik A ialah $(-1, 3)$ dan titik B ialah $(4, 6)$. Titik P bergerak dengan keadaan $PA : PB = 2 : 3$. Carikan persamaan lokus bagi P .
(Jwp : $5x^2 + 5y^2 + 50x - 6y - 118 = 0$)
[3 markah] [2004, No.15]

Jawapan :

- 90 Satu titik R bergerak supaya jaraknya dari titik $A (-2, 3)$ dan $B (5, -1)$ adalah dalam nisbah $2 : 1$. Cari persamaan lokus R .
(Jwp : $3x^2 + 3y^2 - 44x + 14y + 91 = 0$)
[3 markah] [Ramalan]

Jawapan :

- 91 Koordinat bagi titik A and B masing-masing adalah $(-3, -5)$ dan $(1, -2)$. Titik P bergerak dengan keadaan $2AP = 3PB$. Cari persamaan lokus bagi P .
(Jwp : $5x^2 + 5y^2 - 42x - 4y - 91 = 0$)
[3 markah] [Ramalan]

Jawapan :

- 92 Cari persamaan lokus bagi titik bergerak M supaya jaraknya dari titik $A(1, -1)$ adalah tiga kali ganda jaraknya dari titik $B(-2, 3)$.
(Jwp : $8x^2 + 8y^2 + 38x - 56y + 115 = 0$)
[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- 93 Satu titik R bergerak dari dua titik tetap $P(1, 0)$ and $Q(-2, 3)$ supaya $RP = \frac{1}{2}RQ$. Cari persamaan lokus bagi R .
($x^2 + y^2 - 4x + 2y - 3 = 0$)
[3 markah] [**Ramalan**]


Jawapan :

- 94 Diberi titik $P(1, -3)$ dan $Q(3, -1)$. Cari persamaan lokus bagi Z jika $PZ = 2RZ$ supaya $PQ = 2QR$ dan PQR ialah garis lurus.
(Jwp : $x^2 + y^2 - 10x - 2y + 18 = 0$)
[4 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

\Rightarrow lokus bagi suatu titik bergerak dengan jaraknya dari dua titik tetap adalah sentiasa sama

- 95 Rajah menunjukkan garis lurus yang melalui $S(3, 0)$ dan $T(0, 4)$.




- (a) Tuliskan persamaan garis lurus ST dalam bentuk $\frac{x}{a} + \frac{y}{b} = 1$.
- (b) Suatu titik $P(x, y)$ bergerak dengan keadaan $PS = PT$.
Cari persamaan lokus bagi P .

(Jwp : $6x - 8y + 7 = 0$)
[4 markah] [2008, No.13]

Jawapan :

- (a)
- (b)

- 96 Rajah menunjukkan garis lurus $2y = 3x + 4$ pada suatu satah Cartes.



Satu titik T bergerak supaya jaraknya dari titik P dan titik Q adalah sama.

- (a) Huraikan selengkapnya lokus bagi P .
- (b) Cari persamaan lokus bagi T .

(Jwp : $6x + 9y - 5 = 0$)
[4 markah] [Ramalan]

Jawapan :

- (a)
- (b)

- 97 $A(6, 1)$ dan $B(2, 4)$ ialah dua titik tetap. Satu titik C bergerak supaya $\angle CAB = \angle CBA$. Cari persamaan lokus bagi C .
(Jwp : $8x - 6y - 17 = 0$)
[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

=====

7.2.2 Menyelesaikan masalah yang melibatkan persamaan lokus.
[*penggunaan perisian geometri dinamik perlu dilibatkan*]

=====

- 98 Satu titik R bergerak supaya jaraknya dari titik $M(2, 0)$ adalah sama dengan jaraknya dari garis $x = -2$. Cari persamaan lokus bagi R .
(Jwp : $y^2 = 8x$)
[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- 99 Satu titik P bergerak supaya jaraknya dari titik $A(2, 1)$ dan jaraknya dari paksi- x adalah sentiasa sama. Cari persamaan lokus P .
(Jwp : $x^2 - 4x - 2y + 5 = 0$)
[3 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- 100 Satu titik M bergerak supaya jaraknya dari titik $R(-\frac{3}{2}, 0)$ adalah dua kali jaraknya dari paksi- y . Cari persamaan lokus bagi M .
(Jwp : $12x^2 - 4y^2 - 12x - 9 = 0$)
[3 markah] [Ramalan]

Jawapan :

- 101 Satu titik P bergerak supaya jumlah jarak OP dan PN adalah sentiasa 2 unit. O ialah asalan, N terletak pada paksi- x dan PN adalah selari dengan paksi- y . Tunjukkan bahawa lokus bagi P ialah $y = 1 - \frac{1}{4}x^2$.


[4 markah] [Ramalan]

Jawapan :

- 102 Seekor monyet diikat dengan seutas tali pada satu bucu sangkarnya yang berukuran $1 \text{ m} \times 1 \text{ m}$. Panjang tali itu ialah $2\frac{1}{2} \text{ m}$. Pada rajah di ruang jawapan, lakarkan lokus jika monyet itu bergerak ikut arah jam mengelilingi sangkarnya dengan tali yang tegang.

[3 markah] [klon buku teks tingkatan 4]

Jawapan :




- 103** Satu titik T bergerak supaya jaraknya dari titik $(3, 1)$ adalah $2\sqrt{2}$ unit. Tunjukkan bahawa garis lurus $y - x = 2$ ialah tangen kepada lokus T .
(Jwp : $x^2 + y^2 - 6x - 2y + 2 = 0$)
[4 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- 104** Diberi titik $A(1, 3)$ dan $B(4, 1)$. Satu titik P bergerak supaya jaraknya dari B adalah dua kali ganda jaraknya dari A . Tunjukkan bahawa P tidak menyilang paksi- x .
(Jwp : $3x^2 + 3y^2 - 22y + 23 = 0$)
[4 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- 105 Rajah menunjukkan sebuah padang berbentuk segi empat tepat, $PQRS$ yang berukuran $7\text{ m} \times 6\text{ m}$.



Rachel ingin bergerak dari satu titik pada PS supaya jaraknya dari titik A dan B adalah sentiasa sama.


- (a) Cari jarak dari P yang dia patut bermula. (Jwp : $\frac{5}{4}$)
 (b) Nyatakan corak laluan perjalanannya. [4 markah] [*Ramalan*]

Jawapan :

(a)

(b)

- 106 Rajah menunjukkan paksi- x dan paksi- y yang masing-masing mewakili lantai dan dinding.



Satu tangga, AB yang panjangnya 10 m disandarkan pada dinding dan menyentuh lantai dan dinding masing-masing pada titik $A(a, 0)$ dan $B(0, b)$.

- (a) Tuliskan persamaan yang menghubungkan a dan b .
 (b) Diberi $R(x, y)$ ialah satu titik pada tangga AB supaya nisbah $AR : RB = 1 : 3$. Tunjukkan bahawa lokus bagi titik R apabila kedua-dua hujung tangga itu menggelongsor di sepanjang paksi- x dan paksi- y ialah $\frac{16}{9}x^2 + 16y^2 = 100$.

[4 markah] [*Ramalan*]

Jawapan :


(a)

(b)

KERTAS 2

⇒ Bahagian A ~ 6 – 8 markah

- 107 Rajah menunjukkan garis lurus CD yang bertemu dengan garis lurus AB di titik D . Titik C terletak pada paksi-y




- (a) Tuliskan persamaan AB dalam bentuk pintasan. (Jwp: $\frac{x}{9} - \frac{y}{6} = 1$) [1 markah]
 (b) Diberi $2AD = DB$, carikan koordinat D . [Jwp: $(3, -4)$] [2 markah]
 (c) Diberi CD berserenjang dengan AB , carikan pintasan-y bagi CD . (Jwp: $\frac{1}{2}$) [3 markah]

[2004, No.2]

Jawapan :

- 108 Penyelesaian secara lukisan berskala **tidak** diterima.

Dalam rajah, garis lurus AB mempunyai persamaan $y + 2x + 8 = 0$. AB menyalang paksi-x di titik A dan menyalang paksi-y di titik B .



Titik P terletak pada AB dengan keadaan $AP : PB = 1 : 3$. Cari


- (a) koordinat P , [Jwp: $(-3, -2)$] [3 markah]
 (b) persamaan garis lurus yang melalui P dan berserenjang dengan AB . (Jwp: $y = \frac{1}{2}x - \frac{1}{2}$)

[3 markah]
 [2007, No.2]

Jawapan :

109 *Penyelesaian secara lukisan berskala tidak diterima.*

Rajah menunjukkan garis lurus AC yang bersilang dengan paksi-y pada titik B .




Persamaan garis lurus AC ialah $3y = 2x - 15$. Cari

- (a) persamaan garis lurus yang melalui titik A dan berserenjang dengan AC . (*Jwp* : $y = -\frac{3}{2}x - \frac{23}{2}$) [4 markah]
- (b) (i) koordinat B , [*Jwp* : (0, -5)]
- (ii) koordinat C , diberi $AB : BC = 2 : 7$, [*Jwp* : $(\frac{21}{2}, 2)$]
- [3 markah] [2010, No.5]

Jawapan :

110 *Penyelesaian secara lukisan berskala tidak diterima.*

Rajah menunjukkan suatu garis lurus AB .




- (a) Hitung luas segitiga AOB . (*Jwp* : 9) [2 markah]
- (b) Titik C membahagi dalam garis lurus AB dengan nisbah $AC : CB = 3 : 2$. Cari koordinat C . [*Jwp* : $(\frac{12}{5}, \frac{2}{5})$] [2 markah]
- (c) Titik P bergerak dengan keadaan jaraknya dari A adalah sentiasa dua kali jaraknya dari B . Cari persamaan lokus bagi P . (*Jwp* : $x^2 + y^2 - 18x + 8y + 45 = 0$) [3 markah]
- [2011, No.5]

Jawapan :

111 *Penyelesaian secara lukisan berskala tidak diterima.*

Rajah menunjukkan sebuah tapak perkhemahan $OPQR$ yang telah dibersihkan oleh sekumpulan pengakap. Titik-titik A , B dan C adalah masing-masing pusat khemah A , B dan C . A , B dan C adalah segaris.



Diberi jarak titik C ialah 3 kali ganda dari titik B dan 4 kali ganda dari titik A .

(a) Cari

(i) luas, dalam m^2 , tapak perkhemahan $OPQR$,

(Jwp : 94)

(ii) koordinat A .

[Jwp : (-1, 2)]

[4 markah]

(b) Seorang pengakap menabur serbuk belerang di sekeliling khemah C dengan keadaan jarak laluan serbuk belerang dari pusat khemah C ialah sentiasa 3 m. Cari persamaan laluan serbuk belerang itu.


(Jwp : $x^2 + y^2 - 22x - 20y + 212 = 0$) [3 markah]

[2015, No.3]

Jawapan :

112 Penyelesaian secara lukisan berskala **tidak** diterima.

Rajah menunjukkan kedudukan bagi bandar A dan bandar B yang dilukis pada suatu satah Cartes.



PQ ialah jalan raya lurus dengan keadaan jarak dari bandar A dan bandar B ke mana-mana titik pada jalan raya adalah sentiasa sama.


- (a) Cari persamaan PQ . (Jwp : $3x + y + 3 = 0$ / $y = -3x - 3$) [3 markah]
- (b) Satu lagi jalan raya lurus, ST dengan persamaan $y = 2x + 7$ akan dibina.
- (i) Lampu isyarat akan dipasang di persimpangan kedua-dua jalan raya itu. Cari koordinat bagi lampu isyarat itu. [Jwp : $(-2, 3)$]
- (ii) Antara dua jalan raya itu, yang manakah melalui bandar $C \left(-\frac{4}{3}, 1 \right)$?

[4 markah]
[2017, No.5]

Jawapan :

113 Penyelesaian secara lukisan berskala **tidak** diterima.

Rajah menunjukkan segi tiga OAB .



- (a) Diberi luas segi tiga OAB ialah 30 unit^2 , cari nilai k . (Jwp : 6) [2 markah]
- (b) Cari jarak serenjang dari O ke AB . ** (Jwp : 4.472) [2 markah]
- (c) Titik $Q(2, 4)$ terletak pada garis lurus AB .
- (i) Cari $AQ : QB$. (Jwp : 2 : 1)
- (ii) Titik P bergerak dengan keadaan $PB = 2PQ$.
Cari persamaan lokus P . (Jwp : $3x^2 + 3y^2 - 4x - 28y + 40 = 0$)
[5 markah]

[2018, No.3]

Jawapan :

⇒ Bahagian B ~ 10 markah

114 Penyelesaikan soalan ini secara lukisan berskala **tidak** akan diterima.

Titik P bergerak di sepanjang suatu lengkok bulatan yang berpusat $A(2, 3)$. Lengkok bulatan itu melalui $Q(-2, 0)$ dan $R(5, k)$.

(a) Carikan

(i) persamaan lokus bagi titik P .

(Jwp : $x^2 + y^2 - 4x - 6y - 12 = 0$)

(ii) nilai-nilai k .

(Jwp : $-1, 7$)

[6 markah]


(b) Tangen kepada bulatan itu di titik Q bersilang dengan paksi- y di titik T . Carikan luas segi tiga OQT .

(Jwp : $2\frac{2}{3}$) [4 markah]

[2003, No.11]

Jawapan :

115 Penyelesaikan soalan ini secara lukisan berskala **tidak** akan diterima.




- (a) carikan
- (i) persamaan garis lurus AB , (Jwp: $y = 2x + 17$) [2 markah]
- (ii) koordinat B . [Jwp: $(-8, 1)$] [3 markah]
- (b) Garis lurus AB dipanjangkan ke suatu titik D dengan keadaan $AB : BD = 2 : 3$. Carikan koordinat D . [Jwp: $(-14, -11)$] [2 markah]
- (c) Suatu titik P bergerak dengan keadaan jaraknya dari titik A terletak adalah sentiasa 5 unit . carikan persamaan lokus bagi P . (Jwp : $x^2 + y^2 + 8x - 18y + 72 = 0$) [3 markah]
- [2005, No.9]**

Jawapan :

116 *Penyelesaikan soalan ini secara lukisan berskala tidak akan diterima.*

Rajah menunjukkan segitiga AOB dengan keadaan O ialah asalan. Titik C terletak pada garis lurus AB .




- (a) Hitung luas, dalam unit², segi tiga AOB . (Jwp : 9) [2 markah]
- (b) Cari jarak terdekat dari O ke AB . ** (Jwp : 1.664) [2 markah]
- (c) Diberi $AC : CB = 3 : 2$, cari koordinat C . [Jwp : $(\frac{12}{5}, \frac{2}{5})$] [2 markah]
- (d) Suatu titik P bergerak dengan keadaan jaraknya dari titik A adalah sentiasa dua kali jaraknya dari titik B .
- (i) Cari persamaan lokus bagi P . (Jwp : $x^2 + y^2 - 18x + 8y + 45 = 0$)
- (ii) Seterusnya, tentukan sama ada lokus itu memintas paksi- y atau tidak. (Jwp : tidak)

[6 markah]
[2006, No.9]

Jawapan :

117 Penyelesaian secara lukisan berskala **tidak** diterima.

Rajah menunjukkan segi tiga OPQ . Titik S terletak pada garis PQ .




- (a) Suatu titik W bergerak dengan keadaan jaraknya dari titik S adalah sentiasa $2\frac{1}{2}$ unit. Cari persamaan lokus W .
(Jwp : $4x^2 + 4y^2 - 24x - 8y + 15 = 0$) [3 markah]
- (b) Diberi bahawa titik P dan titik Q terletak pada lokus W . Hitung
- nilai k ,
(Jwp : 3)
 - koordinat Q .
[Jwp : $(4\frac{1}{2}, -1)$]
[5 markah]
- (c) Seterusnya, cari luas, dalam unit, bagi segi tiga OPQ .
(Jwp : $\frac{15}{2}$) [2 markah]
[2008, No.10]

Jawapan :

118 *Penyelesaian secara lukisan berskala tidak diterima.*

Rajah menunjukkan sebuah trapezium $OABC$. Garis lurus OA berserenjang dengan garis lurus AB yang bersilang dengan paksi- y pada titik Q . Diberi bahawa persamaan OA ialah $y = -\frac{3}{2}x$ dan persamaan AB ialah $6y = kx + 26$.




- (a) Cari
- (i) nilai k , (Jwp : 4)
- (ii) koordinat A . [Jwp : $(-2, 3)$]
[4 markah]
- (b) Diberi $AQ : QB$ ialah $1 : 2$, cari
- (i) koordinat B , [Jwp : $(4, 7)$]
- (ii) persamaan garis lurus BC . (Jwp : $y = -\frac{3}{2}x + 13$)
[4 markah]
- (c) Suatu titik $P(x, y)$ bergerak dengan keadaan $2PA = PB$.
Cari persamaan lokus P . (Jwp : $3x^2 + 3y^2 + 24x - 10y - 13 = 0$) [2 markah]
[2009, No.9]

Jawapan :

119 *Penyelesaian secara lukisan berskala tidak diterima.*

Rajah menunjukkan sisi empat $PQRS$. Garis lurus PQ adalah berserenjang dengan garis lurus PS . Titik T terletak pada garis lurus PS .



Cari


- | | |
|--|----------------------------------|
| (a) persamaan garis lurus PS , | $(Jwp : y = -2x + 8)$ [3 markah] |
| (b) koordinat S , | [$Jwp : (5, -2)$] [2 markah] |
| (c) koordinat T jika $PT : TS = 1 : 3$, | [$Jwp : (2, 4)$] [2 markah] |
| (d) koordinat R jika luas sisi empat $PQRS$ ialah 30 unit ² . | [$Jwp : (7, 5)$] [3 markah] |

[2012, No.10]

Jawapan :

120 *Penyelesaian secara lukisan berskala tidak diterima.*

Rajah menunjukkan sebuah segi empat tepat $ABCD$. Persamaan garis lurus AB ialah $y = 2x + 3$.




Cari

- | | | |
|-----|---|--|
| (a) | persamaan garis lurus DC , | $(Jwp : y = 2x - 7)$ [2 markah] |
| (b) | persamaan garis lurus AD , | $(Jwp : y = -\frac{1}{2}x + \frac{1}{2})$ [3 markah] |
| (c) | koordinat D , | [$Jwp : (3, -1)$] [2 markah] |
| (d) | luas, dalam unit^2 , segi empat tepat $ABCD$ | $(Jwp : 30)$ [3 markah]
[2013, No.9] |

Jawapan :

- 121 Rajah menunjukkan sisi empat $PQRS$. Titik R terletak pada paksi- y .



Persamaan garis lurus PS ialah $2y = 5x - 21$.

(a) Cari

(i) persamaan garis lurus PQ ,

$$(Jwp : y = -\frac{2}{5}x - \frac{9}{5})$$

(ii) koordinat P .

$$[Jwp : (3, -3)]$$

[6 markah]

(b) Titik T bergerak dengan keadaan jaraknya dari titik S sentiasa 5 unit. Cari persamaan lokus T .


$$(Jwp : x^2 + y^2 - 10x - 4y + 4 = 0) \quad [4 \text{ markah}]$$

[2014, No.10]

Jawapan :

122 *Penyelesaian secara lukisan berskala tidak diterima.*

Rajah menunjukkan laluan titik bergerak $P(x, y)$. P adalah sentiasa bergerak dengan jarak tetap dari titik A .



$B(-1, -2)$ dan $R(-5, q)$ berada pada laluan titik P . Garis lurus BC ialah tangen kepada laluan itu dan bersilang dengan paksi- x pada titik C . Cari

- (a) persamaan bagi laluan titik P , (Jwp : $x^2 + y^2 + 4x - 2y - 5 = 0$) [3 markah]
 (b) nilai-nilai yang mungkin bagi q , (Jwp : 0, 2) [2 markah]
 (c) luas $\triangle ABC$. (Jwp : 10) [5 markah]


[2019, No.9]

Jawapan :

RAMALAN

⇒ Bahagian A ~ 6 – 8 markah

- 123 Rajahn menunjukkan satu permukaan dinding yang berbentuk segi empat tepat, $PQRS$ yang berukuran $4\text{ m} \times 3\text{ m}$.




Syafiqah ingin menandakan satu titik A supaya lampu dapat dipasang pada kedudukan itu dengan tepat. Dia telah membuat ukuran dengan menggunakan dua tali QT dan PU yang bersilang pada titik A yang dikehendaki. Cari

- (a) jarak ST dan TU supaya dua tali itu bersilang di A , (Jwp : $ST = \frac{2}{5}$, $TU = \frac{4}{5}$) [4 markah]
- (b) nisbah $TA : TQ$, (Jwp : 1 : 6) [2 markah]
- (c) luas sisi empat $AQRU$. (Jwp : 5.2) [2 markah]

Jawapan :

124 *Penyelesaikan soalan ini secara lukisan berskala **tidak** akan diterima.*

Rajah menunjukkan titik-titik $A(-2, 4)$, $B(1, -1)$, $C(6, 2)$ dan D pada suatu satah Cartes.




Diberi garis lurus AD dan BC adalah selari dan $ACD = 90^\circ$. Cari

- (a) persamaan garis lurus AD dan CD , (*Jwp* : $AD : y = \frac{3}{5}x + \frac{26}{5}$, $CD : y = 4x - 22$) [5 markah]
- (b) koordinat D . [*Jwp* : (8, 10)] [2 markah]

Jawapan :

125 *Penyelesaikan soalan ini secara lukisan berskala **tidak** akan diterima.*

Rajah menunjukkan sebuah segi empat tepat $PQRS$.




Diberi persamaan garis lurus PR ialah $y = 2 + x$. Titik T terletak pada garis lurus PR dengan keadaan $PT : TR = 2 : 1$. Cari

- (a) persamaan garis lurus SR , (Jwp : $y = \frac{1}{3}x + \frac{16}{3}$) [3 markah]
- (b) koordinat T , [Jwp : $(\frac{10}{3}, \frac{16}{3})$] [3 markah]
- (c) luas segitiga PST . (Jwp : $\frac{20}{3}$) [2 markah]

Jawapan :

126 Penyelesaikan soalan ini secara lukisan berskala **tidak** akan diterima.

Dalam rajah, APB dan CPD ialah garis lurus.



Diberi P ialah titik tengah AB , dan $CD : PD = 4 : 3$. Cari

(a) koordinat P , [Jwp : (3, 4)] [1 markah]

(b) koordinat D , [Jwp : $(\frac{9}{2}, 1)$] [2 markah]

(c) koordinat titik persilangan garis lurus AC dengan DB yang dipanjangkan.


[Jwp : $(\frac{7}{2}, 13)$] [5 markah]

Jawapan :

⇒ *Bahagian B ~ 10 markah*

127 *Penyelesaikan soalan ini secara lukisan berskala tidak akan diterima.*

Rajah menunjukkan sebuah rombus pada suatu satah Cartes. Pepenjuru-pepenjuru AC dan BD bersilang pada titik $(3, 6)$.




- (a) Cari
- (i) koordinat B , [Jwp : $(-3, 8)$] [1 markah]
 - (ii) persamaan garis lurus AC , (Jwp : $y = 3x - 3$) [2 markah]
 - (iii) persamaan garis lurus CD . (Jwp : $y = -2x + 22$) [3 markah]
- (b) Suatu titik P bergerak dengan keadaan jaraknya dari titik A adalah sentiasa 4 unit. Carikan persamaan lokus bagi P . (Jwp : $x^2 + y^2 - 2x - 15 = 0$) [2 markah]

Jawapan :

128 Penyelesaian soalan ini secara lukisan berskala **tidak** akan diterima.

Rajah menunjukkan sebuah lelayang $KLMN$ pada suatu satah Cartesa. LM adalah selari dengan paksi- y .




Cari

- (a) koordinat M , (Jwp : $(-1, -2)$) [4 markah]
 (b) luas lelayang $KLMN$, (Jwp : 15) [3 markah]
 (c) persamaan lokus titik P dengan keadaan $KP = 2KL$. (Jwp : $x^2 + y^2 - 4x - 8y - 20 = 0$) [3 markah]

Jawapan :

129 Penyelesaikan soalan ini secara lukisan berskala **tidak** akan diterima.

Dalam rajah, ABC ialah sebuah segi tiga dengan $\angle ABC = 90^\circ$.



Cari


- (a) nilai t , (Jwp : 8) [2 markah]
 (b) luas segi tiga ABC . (Jwp : 6) [2 markah]
 (c) jarak berserenjang dari B ke AC . (Jwp : 2.353) [3 markah]
 (d) persamaan garis lurus yang melalui titik B dan berserenjang dengan garis lurus AC .

(Jwp : $y = -5x + 20$) [3 markah]

Jawapan :

130 *Penyelesaikan soalan ini secara lukisan berskala **tidak** akan diterima.*

Rajah menunjukkan sebuah segi tiga ABC dengan bucu-bucunya $A(8, 5)$, $B(4, -3)$ dan $C(-3, 4)$. AD berserenjang dengan BC dan CE berserenjang dengan AB . AD dan CE bersilang di titik H .



Cari

(a) koordinat D ,

[Jwp : $(2, -1)$] [3 markah]

(b) koordinat H ,

[Jwp : $(\frac{11}{3}, \frac{2}{3})$] [3 markah]

(c) nisbah $AD : HD$.

(Jwp : $18 : 5$) [2 markah]


(d) luas segi tiga AHC .
markah]

(Jwp : $21\frac{2}{3}$) [2

Jawapan :

131 Penyelesaikan soalan ini secara lukisan berskala **tidak** akan diterima.

Dalam rajah, $P(-4, 10)$, $Q(0, 6)$ and $R(-2, 2)$ masing-masing ialah titik tengah bagi garis lurus AB , BC dan AC supaya $ARQP$ membentuk sebuah segi empat selari.



- (a) Cari
- (i) persamaan garis lurus AB , (Jwp : $y = 2x + 18$) [2 markah]
- (ii) persamaan pembahagi dua sama seranjang AC . (Jwp : $y = x + 4$) [2 markah]
- (b) Garis lurus AB diperpanjangkan sehingga bersilang dengan pembahagi dua sama seranjang garis lurus AC di titik S . Cari koordinat S . [Jwp : $(-14, -10)$] [3 markah]
- (c) Hitung luas segi tiga PQR . (Jwp : 12)
 Seterusnya, cari luas segi tiga ABC . (Jwp : 48)
 [3 markah]

Jawapan :

VEKTOR - ONE PAGE NOTE (OPN) - LEMBARAN KERJA

Encik Hartono bin Josed


ONE PAGE NOTES "VEKTOR"

VEKTOR PADA SATAH CARTES

$$A(-3, 2)$$

$$\Rightarrow \vec{OA} = -3\mathbf{i} + 2\mathbf{j} = \begin{pmatrix} -3 \\ 2 \end{pmatrix}$$

$$\Rightarrow \vec{AO} = 3\mathbf{i} - 2\mathbf{j} = \begin{pmatrix} 3 \\ -2 \end{pmatrix}$$




$$\begin{aligned} \vec{AB} &= \vec{ED} \\ \vec{BC} &= \vec{FE} \\ \vec{CD} &= \vec{AF} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \vec{AB} + \vec{BC} &= \vec{AC} \\ \vec{CD} - \vec{ED} &= \vec{CE} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \vec{BF} + \vec{FD} + \vec{FA} &= \vec{BD} + \vec{FA} \\ &= \vec{BD} + \vec{DC} \\ &= \vec{BC} \end{aligned}$$

tiga-digit



HUKUM SEGITIGA



$$\begin{aligned} \vec{AB} &= \vec{AO} + \vec{OB} \\ [\vec{AB} &= \vec{AO} - \vec{BO}] \end{aligned}$$

HUKUM SEGIEMPAT



$$\begin{aligned} \vec{OB} &= \vec{OA} + \vec{AB} \\ &= \vec{OC} + \vec{CB} \end{aligned}$$

HUKUM POLIGON



$$\vec{OC} = \vec{OA} + \vec{AB} + \vec{BC}$$

$$\begin{aligned} \frac{AB}{BC} &= \frac{m}{n} \\ AB : BC &= m : n \end{aligned}$$

$$\vec{AB} = \left(\frac{m}{m+n} \right) \vec{AC}$$

$$\vec{CB} = \left(\frac{-m}{m+n} \right) \vec{CA}$$

PENAMBAHAN DAN PENOLAKAN VEKTOR

$$k \begin{pmatrix} a \\ b \end{pmatrix} = \begin{pmatrix} ka \\ kb \end{pmatrix}$$

$$\begin{pmatrix} a \\ b \end{pmatrix} + \begin{pmatrix} c \\ d \end{pmatrix} = \begin{pmatrix} a+c \\ b+d \end{pmatrix}$$

$$\begin{pmatrix} a \\ b \end{pmatrix} - \begin{pmatrix} c \\ d \end{pmatrix} = \begin{pmatrix} a-c \\ b-d \end{pmatrix}$$

$$\vec{r} = x\mathbf{i} + y\mathbf{j} = \begin{pmatrix} x \\ y \end{pmatrix}$$

MAGNITUD @ PANJANG VEKTOR

$$\text{magnitud } \vec{r} \rightarrow |\vec{r}| = \sqrt{x^2 + y^2}$$


VEKTOR UNIT

$$\text{vektor unit } \vec{r} \rightarrow \hat{r} = \frac{x\mathbf{i} + y\mathbf{j}}{\sqrt{x^2 + y^2}} = \frac{\hat{r}}{2r} = 3\hat{r}$$

Catatan: $|\hat{r}| = 1 \rightarrow$ magnitud vektor unit = 1

VEKTOR PADUAN

[pada grid segi empat sama]



VEKTOR SERENJANG

Jika \vec{a} berserenjang dengan \vec{b} ,

$$(\vec{m}_a)(\vec{m}_b) = -1 \quad @ \quad \vec{a} \perp \vec{b} = 0$$

VEKTOR TAK SELARI

Jika \vec{a} dan \vec{b} adalah tidak selari dan bukan sifar, dan $h\vec{a} = k\vec{b}$

$$\downarrow$$

$$h = k = 0$$

VEKTOR SELARI

Jika \vec{a} adalah selari dengan \vec{b} ,

$$\vec{a} = \lambda \vec{b}$$

dengan keadaan λ ialah pemalar

$$\text{Jika } \vec{r} = \begin{pmatrix} x \\ y \end{pmatrix} \text{ selari dengan paksi-x} \Rightarrow y = 0$$

$$\text{Jika } \vec{r} = \begin{pmatrix} x \\ y \end{pmatrix} \text{ selari dengan paksi-y} \Rightarrow x = 0$$

Jika A, B, C adalah segaris $\Rightarrow AB \parallel AC \parallel BC$




$$\frac{\text{luas } \triangle OAB}{\text{luas } \triangle BAC} = \frac{OB}{BC}$$

$$\frac{\text{luas } \triangle OAB}{\text{luas } \triangle OAC} = \frac{OB}{OC}$$

VEKTOR - kecerunan

$$\left[\text{translasi} \begin{pmatrix} x \\ y \end{pmatrix} \right]$$



$$\vec{r} = \begin{pmatrix} x \\ y \end{pmatrix}$$

$$\vec{m}_r = \frac{y}{x}$$

TOPIK 8 : VEKTOR
 [1 – 2 soal → 3 – 7 markah]

8.1 Vektor

8.1.1 Membanding beza antara vektor dan skalar, dan seterusnya mengenal pasti sama ada suatu kuantiti ialah kuantiti vektor atau skalar dengan memberikan justifikasi.

1 Tentukan sama ada setiap kuantiti yang berikut adalah kuantiti skalar atau vektor dengan menandakan (✓).

<i>Kuantiti</i>	<i>Skalar</i>	<i>Vektor</i>
daya		
jarak		
isipadu		
berat		
kerja		
halaju		
panjang		
impuls		
kuasa		
tekanan		

<i>Kuantiti</i>	<i>Skalar</i>	<i>Vektor</i>
laju		
rintangan		
sesaran		
jisim		
luas		
masa		
momentum		
suhu		
tenaga		
pecutan		

2 Tentukan sama ada setiap kuantiti yang berikut adalah kuantiti skalar atau vektor dengan menandakan (✓).

<i>Kuantiti</i>	<i>Skalar</i>	<i>Vektor</i>
Sebuah bas bergerak dengan kelajuan 80 kmj^{-1} ke arah timur.		
Batrisyia berjalan sejauh 500 m dari rumah ke sekolah.		
Sebuah bag seberat 250 N diangkat setinggi 2 m dari lantai.		
Suhu badan Maven ialah 36.5°C .		
Ketumpatan pepejal Y ialah 2.3 g cm^3 .		

MINDA :

Padankan yang berikut :




tensor pada tahap sifar	• <i>kuantiti skalar</i> •	• kuantiti yang mempunyai magnitud dan arah
tensor pada tahap satu	• <i>kuantiti vektor</i> •	• kuantiti yang mempunyai magnitud tetapi tanpa arah

8.1.2 Mewakili vektor menggunakan tembereng garis berarah dan tata tanda vektor serta menentukan magnitud dan arah vektor.

3 Bermula dengan titik yang disediakan, draw and label the following vectors :


- (a) \vec{AB} mewakili sesaran 60 m ke kanan.
- (b) \vec{p} mewakili halaju 40 km/j ke selatan.
- (c) \vec{u} mewakili pecutan $5\sqrt{2}$ ms⁻² ke barat laut.

Jawapan :


 <p>1 unit mewakili 10 m</p>	 <p>1 unit mewakili 8 km/j</p>	 <p>1 unit mewakili 1 ms⁻²</p>
---	---	--

4 Tentukan magnitud dan arah bagi setiap vektor yang berikut :

(a)



(b)



Jawapan :

(Jwp : $U\ 36.87^\circ\ T\ @\ 036.87^\circ$)

(a)

(b)

5 Dua buah bas, P dan Q bergerak dari bandar O . Bas P bergerak ke selatan sementara bas Q bergerak ke barat. Diberi $|\vec{OP}| = 40\text{ km}$ dan $|\vec{OQ}| = 96\text{ km}$, selepas satu jam perjalanan. Cari jarak antara kedua bas itu. (Jwp : 104)

[2 markah] [klon buku teks tingkatan 4]

Jawapan :



6 Sebuah kereta bergerak ke utara sejauh 6 km dari A ke B kemudian ke timur dari B ke C sejauh 8 km dan akhirnya patah balik ke A . Tentukan magnitud dan arah sesaran tersebut dari C ke A . (Jwp : 10 km ; $S\ 53.13^\circ\ B\ @\ 233.13^\circ$)

[3 markah]

Jawapan :


MINDA :

- bearing suatu titik B dari suatu titik A ialah sudut yang diukur **ikut arah jam** di antara garis utara dari A dengan garis lurus AB .
- ditulis dalam bentuk **tiga-digit**, dari 000° hingga 360°



\Rightarrow **vektor sama / vektor negatif**

- 7 Rajah menunjukkan sebuah segi empat selari, $PQRS$. Titik-titik A , B , C dan D masing-masing ialah titik tengah bagi PQ , QR , RS dan ST .




Diberi $\vec{SD} = \vec{u}$, $\vec{SO} = \vec{v}$ dan $\vec{SC} = \vec{w}$. Nyatakan vektor yang berikut dalam sebutan \vec{u} , \vec{v} atau \vec{w} .

- (a) \vec{RB} (b) \vec{QO} (c) \vec{OB} (d) \vec{AO}

[klon buku teks tingkatan 4]

Jawapan :

- 8 Rajah menunjukkan sebuah heksagon sekata dengan pusat O .



Diberi $\vec{AB} = \vec{p}$, $\vec{OB} = \vec{q}$ dan $\vec{BC} = \vec{r}$. Nyatakan vektor yang berikut dalam sebutan \vec{u} , \vec{v} atau \vec{w} .

- (a) \vec{ED} (b) \vec{CD} (c) \vec{EF} (d) \vec{OE}

Jawapan :

MINDA :

- Vektor sifar, , mempunyai magnitud , dan nya tidak dapat ditentukan.
- Dua vektor adalah sama jika dan hanya jika kedua-dua vektor mempunyai dan yang sama.
- Suatu vektor adalah negatif jika vektor itu mempunyai magnitud yang tetapi arah yang , iaitu $\vec{AB} = \vec{\quad}$.

9 Diberi bahawa $(2x^2 - 7x + 3) \vec{a} = \vec{0}$, cari nilai x .

(Jwp : $\frac{1}{2}, 3$)

[2 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

10 Jika \vec{a} dan \vec{b} ialah vektor tidak selari dan $(m + 3)\vec{a} + (2n - m + 1)\vec{b}$ ialah vektor sifar, cari nilai m dan nilai n .


(Jwp : $m = -3, n = -2$)

[2 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

8.1.3 Membuat dan mengesahkan konjektur tentang sifat-sifat pendaraban vektor dengan skalar.

- 11 Rajah menunjukkan empat vektor.



Nyatakan vektor yang berikut dalam sebutan \underline{a} .


(a) \vec{AB}

(b) \vec{CD}

(c) \vec{EF}

Jawapan :


- 12 The diagram shows the vector $\vec{SR} = \underline{z}$.



State the vector \vec{QP} in term of \underline{z} .

Jawapan :

- 13 Rajah menunjukkan vektor $\vec{AB} = 2\underline{u}$.



Nyatakan vektor \vec{CB} dalam sebutan \underline{u} .

Jawapan :

MINDA :

- Pendaraban skalar k dengan vektor \vec{a} menghasilkan vektor $k\vec{a}$, dengan keadaan :

$$\rightarrow |\vec{ka}| = \boxed{}$$


\rightarrow jika $k \boxed{} 0$, maka arah $k\vec{a}$ sama dengan arah \vec{a} .

\rightarrow jika $k \boxed{} 0$, maka arah $k\vec{a}$ bertentangan dengan arah \vec{a} .

- 14** Rajah di ruang jawapan menunjukkan vektor \vec{AB} .

Pada rajah, bina vektor \vec{PQ} dengan keadaan $\vec{PQ} = \frac{4}{3}\vec{BA}$.


Jawapan :



- 15** Rajah di ruang jawapan menunjukkan vektor \vec{AB} .

Pada rajah, bina vektor \vec{PQ} dengan keadaan $\vec{PQ} = -\frac{3}{2}\vec{BA}$.

Jawapan :



8.1.4 Membuat dan mengesahkan konjektur tentang vektor selari.

⇒ *vektor selari*

- 16 Diberi $\vec{AB} = 2\vec{x}$, $\vec{CD} = 2\vec{y}$ dan $\vec{EF} = 4\vec{x}$. Pasangan vektor manakah yang selari ?

Seterusnya, tentukan hubungan antara dua vektor selari itu.

[2 markah] [*Ramalan*]

Jawapan :

MINDA :

• \vec{a} selari dengan $\vec{b} \Leftrightarrow \boxed{}$, dengan keadaan λ ialah pemalar

• A, B, C adalah segaris $\Leftrightarrow \boxed{\phantom{A, B, C \text{ are collinear}}}$

• \vec{a} dan \vec{b} adalah bukan sifar dan tidak selari, dan $h\vec{a} = k\vec{b} \Leftrightarrow h = k = \boxed{}$.

- 17 Given $\vec{PQ} = 3\vec{u}$, $\vec{RS} = -2\vec{u}$ and $\vec{TU} = 3\vec{v}$. Pasangan vektor manakah yang selari ?

Seterusnya, tentukan hubungan antara dua vektor selari itu.

[2 markah] [*Ramalan*]

Jawapan :

- 18 $PQRS$ ialah sebuah trapezium dengan keadaan PQ selari dengan SR , $PQ = 4$ cm, dan $SR = 10$ cm.


Ungkapkan \vec{RS} dalam sebutan \vec{PQ} .

(Jwp : $\vec{RS} = -\frac{5}{2}\vec{PQ}$)

[2 markah] [*Ramalan*]

Jawapan :

19 Dalam rajah, ABC ialah sebuah segi tiga, \vec{BC} dan \vec{DE} adalah dua vektor selari.



Diberi $|\vec{BC}| = 4$ cm dan $|\vec{DE}| = 6$ cm. Ungkapkan

(a) \vec{AB} dalam sebutan \vec{AD} ,

(Jwp : $\vec{AB} = \frac{2}{3} \vec{AD}$)

(b) \vec{CE} dalam sebutan \vec{AE} .

(Jwp : $\vec{CE} = \frac{1}{3} \vec{AE}$)

[2 markah] [Ramalan]

Jawapan :


(a)

(b)

MINDA :

<p>$\frac{\text{luas } \triangle ABC}{\text{luas } \triangle ADE} = \left(\frac{BC}{DE}\right)^2 = \left(\frac{AB}{AD}\right)^2 = \left(\frac{AC}{AE}\right)^2$</p>	<p>$\frac{\text{luas } \triangle ABE}{\text{luas } \triangle CDE} = \left(\frac{AB}{CD}\right)^2 = \left(\frac{AE}{ED}\right)^2 = \left(\frac{BE}{EC}\right)^2$</p>	<p>$\frac{\text{luas } \triangle ABC}{\text{luas } \triangle ACD} = \frac{BC}{CD} / \frac{\text{luas } \triangle ABC}{\text{luas } \triangle ABD} = \frac{BC}{CD}$</p>
--	--	---

20 Dalam rajah, PQ dan RS adalah selari.



Diberi bahawa $RS : PQ = 1 : 3$, $|\vec{PQ}| = 12$ cm, $\vec{PS} = 8\underline{p}$ dan $\vec{QT} = 9\underline{q}$. Cari

(a) $|\vec{SR}|$,

(Jwp : 4)

(b) \vec{PT} dalam sebutan \underline{p} ,

(Jwp : $6\underline{p}$)

(c) \vec{RT} dalam sebutan \underline{q} ,

(Jwp : $-3\underline{q}$)

[3 markah] [klon buku teks tingkatan 4]

Jawapan :

\Rightarrow segaris

- 21 Diberi $\vec{ST} = 12\vec{a}$ dan $\vec{TU} = 8\vec{a}$, tunjukkan bahawa S , T dan U adalah segaris.

[2 markah] [*Ramalan*]

Jawapan :

- 22 Diberi titik-titik K , M dan N adalah segaris dengan $\vec{MN} = \frac{3}{5}\vec{KN}$. Ungkapkan \vec{KM} dalam sebutan \vec{MN} .

(Jwp : $\vec{KM} = \frac{2}{3}\vec{MN}$)

[2 markah] [*Ramalan*]

Jawapan :

- 23 Diberi titik-titik A , B dan C adalah segaris dngan $\vec{AB} = h\vec{a}$ dan $\vec{BC} = (3k-2)\vec{a}$, dengan keadaan k ialah pemalar. Jika $5\vec{AB} = 2\vec{AC}$, ungkapkan k dalam sebutan h .

(Jwp : $k = \frac{3h+4}{6}$)

[2 markah] [*Ramalan*]

Jawapan :

\Rightarrow tidak selari dan bukan sifar

24 Vektor \underline{a} dan \underline{b} adalah bukan sifar dan tidak selari. Diberi bahawa $(h + 3) \underline{a} = (k - 5) \underline{b}$, dengan keadaan h dan k ialah pemalar. Cari nilai

(a) h ,

(Jwp : -3)

(b) k .

(Jwp : 5)


[2 markah] [2008, No.15]

Jawapan :

(a)

(b)

25 Rajah menunjukkan dua vektor, $\vec{OA} = \mathbf{x}$ dan $\vec{OB} = \mathbf{y}$.



Cari nilai h dan nilai k dengan keadaan $(h - 2) \mathbf{x} = (3h + k) \mathbf{y}$.

(Jwp : $h = 2, k = -6$)

[3 markah]

Jawapan :

26 Jika $\underline{\tilde{a}}$ dan $\underline{\tilde{b}}$ adalah vektor bukan sifar dan tidak selari dengan keadaan $(2m + n - 1) \underline{\tilde{a}} - (m + n - 7) \underline{\tilde{b}} = 0$, cari nilai m dan nilai n .

(Jwp : $m = -2, n = 5$)

[3 markah] [Ramalan]

Jawapan :

8.2 Penambahan dan penolakan vektor

8.2.1 Membuat penambahan dan penolakan yang melibatkan dua atau lebih vektor bagi menghasilkan vektor paduan.

- =====
- ⇒ *penambahan dan penolakan vektor selari*
- 27 Selesaikan setiap yang berikut :

$2\vec{u} + \frac{1}{3}\vec{u} + \frac{2}{3}\vec{u} =$	$8\vec{c} - 5\vec{c} - \vec{c} =$
--	-----------------------------------


⇒ *penambahan dan penolakan vektor tak selari*

- 28 Selesaikan setiap yang berikut :

$4\vec{x} + 2\frac{1}{2}\vec{y} + \frac{1}{2}\vec{x} + \vec{y} =$	$6\vec{c} - 5\vec{d} - 4\vec{c} + 3\vec{d} =$
---	---

⇒ *penambahan dan penolakan vektor tak selari ~ hukum segi tiga*

- 29 Rajah menunjukkan sebuah segi tiga PQR .



Titik T terletak di atas QR dengan keadaan $QT : TR = 3 : 1$. Ungkapkan dalam sebutan \underline{a} dan \underline{b} :

(a) \vec{QR} ,

(b) \vec{PT} .


(Jwp : $3\underline{a} + \frac{3}{2}\underline{b}$)
[3 markah] [2008, No.16]

Jawapan :

(a)

(b)

- 30 Rajah menunjukkan sebuah segi tiga PQR .



Diberi $\vec{PQ} = 3\underline{a}$, $\vec{PR} = 6\underline{b}$ dan titik S terletak di atas QR dengan keadaan $QS : SR = 2 : 1$, ungkapkan dalam sebutan \underline{a} dan \underline{b} :

(a) \vec{QR} ,

(b) \vec{SP} .


(Jwp : $-\underline{a} - 4\underline{b}$)
[4 markah] [2009, No.14]

Jawapan :

(a)

(b)

- 31 Rajah menunjukkan segi tiga PQR dan M ialah satu titik pada AB .



Diberi $\vec{OA} = 5\underline{a}$, $\vec{OB} = 4\underline{b}$ dan $2AM = 3MB$, cari

(a) \vec{AB} ,

(b) \vec{OM} .


(Jwp : $2\underline{a} + \frac{12}{5}\underline{b}$)
[4 markah] [2010, No.16]

Jawapan :

(a)

(b)

- 32 Rajah menunjukkan sebuah trapezium $PQRS$ dengan $QR = 2PS$.



Ungkapkan dalam sebutan \underline{a} dan / atau \underline{b}

(a) $\vec{SR} - \vec{PR}$,

(b) \vec{QP} .

(Jwp : $8\underline{a} - 7\underline{b}$)
[3 markah] [2014, No.15]


Jawapan :

(a)

(b)

\Rightarrow penambahan dan penolakan vektor tak selari ~ hukum segi tiga @ hukum segi empat selari 1

- 33 Rajah menunjukkan segi empat selari $ABCD$ dengan keadaan BED ialah garis lurus.



Diberi $\vec{AB} = 6\mathbf{p}$, $\vec{AD} = 4\mathbf{q}$, dan $DE = 2EB$, ungkapkan, dalam sebutan \mathbf{p} dan \mathbf{q} :

(a) \vec{BD} .

(Jwp : $-6\mathbf{p} + 4\mathbf{q}$)

(b) \vec{EC} .

(Jwp : $2\mathbf{p} + \frac{8}{3}\mathbf{q}$)


[4 markah] [2003, No.14]

Jawapan :

(a)

(b)


- 34 Rajah menunjukkan sebuah segi empat tepat $OABC$ dan titik D terletak pada garis lurus OB .



Diberi bahawa $OD = 3DB$. Ungkapkan \vec{OD} dalam sebutan \underline{x} dan \underline{y} . [Jwp : $\frac{3}{4}(5\underline{y} + 9\underline{x})$]
[3 markah] [2007, No.15]

Jawapan :

- 35 Rajah menunjukkan sebuah segi empat selari $ABCD$.



Titik E berada pada AB dengan keadaan $AE : EB = 2 : 1$. Diberi bawah $\vec{EB} = 4\underline{u}$ dan $\vec{AD} = 3\underline{v}$.
Ungkapkan dalam sebutan \underline{u} dan \underline{v}

(a) \vec{AE} ,

(b) \vec{ET} .

(Jwp : $\frac{3}{2}\underline{v} - 2\underline{u}$)

[3 markah] [2019, No.15]


Jawapan :

(a)

(b)

\Rightarrow penambahan dan penolakan vektor tak selari ~ hukum poligon

- 36 Rajah menunjukkan sebuah pentagon $JKLMN$.




Diberi bahawa $\vec{KL} = \frac{1}{3}\vec{JN}$, $2\vec{NM} = \vec{JK}$, $\vec{JN} = \vec{x}$ dan $\vec{JK} = \vec{y}$, ungkapkan \vec{LM} dalam sebutan \vec{x} dan \vec{y} .
(Jwp : $\frac{2}{3}\vec{x} - \frac{1}{2}\vec{y}$)

[2 markah] [klon buku teks tingkatan 4]

Jawapan :

- 37 Rajah menunjukkan sebuah segi empat dengan keadaan $\vec{PS} = (m-1)\vec{x}$, $\vec{SR} = n\vec{y}$ dan $\vec{QR} = n\vec{x}$. m dan n adalah pemalar.



Jika $\vec{PQ} = 3\vec{x} + \left(\frac{m+1}{5}\right)\vec{y}$, cari nilai m dan nilai n .


(Jwp : $m = \frac{21}{4}$, $n = \frac{5}{4}$)

[3 markah] [Ramalan]

Jawapan :

\Rightarrow penambahan dan penolakan vektor tak selari ~ hukum segi tiga @ hukum segi empat selari 2(a)

- 38 Rajah menunjukkan dua vektor, $\vec{OP} = \vec{x}$ dan $\vec{OQ} = \vec{y}$.



Ungkapkan dalam sebutan \vec{x} dan \vec{y} :

- (a) \vec{OR} ,
 (b) \vec{RT} .


(Jwp : $\vec{y} + 2\vec{x}$)

[2 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- (a)
 (b)

- 39 Rajah menunjukkan dua vektor, $\vec{OP} = \vec{x}$ dan $\vec{OQ} = \vec{y}$.



Ungkapkan dalam sebutan \vec{x} dan \vec{y} :

- (a) \vec{OR} ,
 (b) \vec{PT} .


(Jwp : $\vec{x} + \frac{3}{2}\vec{y}$)

[2 markah] [**Ramalan**]

Jawapan :

- (a)
 (b)

- 40 Rajah menunjukkan vektor \vec{OA} , \vec{OB} dan \vec{OP} dilukis pada grid segi empat sama yang sama besar bersisi 1 unit.



Tentukan


- (a) $|\vec{OP}|$, (Jwp : $3\sqrt{2}$)
- (b) \vec{OP} dalam sebutan \underline{a} dan \underline{b} .

[2 markah] [2012, No.15]

Jawapan :

- (a)
- (b)

- 41 Rajah menunjukkan vector-vector \vec{AB} , \vec{AC} dan \vec{AD} yang dilukis pada grid segi empat sama bersisi 1 unit.



- (a) Cari $\left| \vec{-BA} \right|$.
- (b) Diberi $\vec{AB} = \underline{b}$ dan $\vec{AC} = \underline{c}$, ungkapkan dalam sebutan \underline{b} dan \underline{c} ,
- (i) \vec{BC} ,
- (ii) \vec{AD} .


(Jwp : $2\underline{c} - \underline{b}$)
[3 markah] [2017, No.3]

Jawapan :

- (a)
- (b) (i)
- (ii)

⇒ penambahan dan penolakan vektor tak selari ~ hukum segi tiga @ hukum segi empat selari 2(b)

- 42 Rajah menunjukkan dua vektor, $\vec{OA} = \underline{a}$ dan $\vec{OB} = \underline{b}$.




- (a) Nyatakan vektor \vec{OQ} dalam sebutan \underline{a} dan \underline{b} .
- (b) Diberi bahawa $\vec{OP} = -2\underline{a} + \underline{b}$, tanda dan label titik P pada rajah di atas.

[2 markah] [Ramalan]

Jawapan :

- (a) (b) rujuk rajah

- 43 Rajah menunjukkan vektor-vektor \vec{OP} , \vec{OQ} dan \vec{OM} dilukis pada grid segi empat sama.




- (a) Ungkapkan \vec{OM} dalam bentuk $h\underline{p} + k\underline{q}$, dengan keadaan h dan k ialah pemalar.
(Jwp : $\underline{p} + 2\underline{q}$)
- (b) Pada rajah, tanda dan label titik N dengan keadaan $\vec{MN} + \vec{OQ} = 2\vec{OP}$.

[3 markah] [2018, No.8]

Jawapan :

- (a) (b)

44 Rajah menunjukkan tiga vektor dilukis pada grid segi empat sama.




- (a) Lukis vektor $2\vec{a} - \vec{b} + \frac{1}{2}\vec{c}$ pada grid segi empat sama di ruang jawapan, bermula dengan titik yang diberikan.
- (b) Jika $|\vec{c}| = 4$, cari $|2\vec{a} - \vec{b} + \frac{1}{2}\vec{c}|$.

[2 markah] [Ramalan]

Jawapan :

- (a)
- (b)



8.2.2 Menyelesaikan masalah yang melibatkan vektor.

⇒ penyelesaian masalah 1

- 45 Janelle mendayung perahunya dari titik K ke seberang sungai dengan halaju 7 kmj^{-1} ke arah utara. Arus sungai itu mengalir dengan halaju 12 kmj^{-1} ke arah barat.
- (a) Lakarkan rajah yang menunjukkan pergerakan perahu dan aliran arus itu.
 - (b) Selepas kesan daripada aliran arus tersebut, hitungkan bagi perahu itu :
 - (i) halaju baharu, (Jwp : 13.89)
 - (ii) arah baharu. (Jwp : 300.26°)

[3 markah] [klon buku teks tingkatan 4]

Jawapan :

- (a)
- (b) (i)
- (ii)


- 46 Sebuah kapal terbang melakukan penerbangan ke selatan dari lapangan terbang A ke lapangan terbang B sejauh 1000 km dalam masa 2 jam. Angin bertiup dari arah timur dengan kelajuan 250 kmj^{-1} .
- (a) Lakarkan rajah yang menunjukkan pergerakan kapal terbang dan tiupan angin.
- (b) Seterusnya, cari
- (i) halaju kapal terbang itu tanpa dipengaruhi oleh angin, (Jwp : 433.01)
- (ii) arah asal kapal terbang itu. (Jwp : 150°)

[3 markah] [klon buku teks tingkatan 4]

Jawapan :

- (a) (b) (i)
- (ii)

- 47 Rajah menunjukkan kedudukan L , M dan N sepanjang sebatang sungai.



Lebar sungai itu ialah 50 m, M terletak ke utara L dan halaju arus mengalir ke hilir ialah 2.5 m/s. Nathaniel ingin mendayung perahunya dari L menyeberangi sungai ke M , tetapi perahunya telah dibawa arus dan berhenti di N dalam masa 15 saat. Hitung laju, dalam m/s, perahu Nathaniel.

(Jwp : 6.08)

[3 markah] [klon buku teks tingkatan 4]

Jawapan :

\Rightarrow penyelesaian masalah 2

- 48 Diberi vektor kedudukan bagi tiga buah kereta permainan ialah $\vec{OP} = \mathbf{x} + 3\mathbf{y}$, $\vec{OQ} = 2\mathbf{x} + 5\mathbf{y}$ dan $\vec{OR} = k\mathbf{x} + 4\mathbf{y}$, dengan k ialah pemalar. Kereta permainan ini terletak pada satu garis lurus, cari nilai k . (Jwp : $\frac{3}{2}$)

[3 markah] [klon buku teks tingkatan 4]

Jawapan :

